

"DAN peringatkanlah kerana sesungguhnya peringatan itu mendatangkan faedah kepada orang-orang yang beriman".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah adz-Dzariat, ayat 55.

Berita Utama

MAJLIS RAMAH MESRA MANIFESTASI CINTA, SETIA RAKYAT KEPADA RAJA



KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bercemar duli bersama rakyat baginda bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong. - Foto : Mohammad Hasif Matzin (Lihat muka 3 hingga 5).



MENGALAKKAN penggunaan teknologi digital, AI bagi memperkasa rantau Asia-Pasifik
Muka 14



MEMPERKUKUH, meningkatkan kerjasama kehakiman
Muka 16



PENTARAMA meriahkan Pentas Perayaan Daerah Brunei dan Muara
Muka 18



CIPTA sejarah di pentas dunia
Muka 30

Raptai penuh pastikan kelancaran Majlis Ramah Mesra Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Julai. - Persiapan bagi majlis keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam bercemar duli bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026 Peringkat Daerah Brunei dan

Muara diteruskan dengan berlangsungnya raptai penuh di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara, petang tadi.

Majlis raptai tersebut diadakan bagi meninjau persediaan Persembahan Khas dan lokasi sebelum acara kemuncak yang dijadualkan berlangsung pada Rabu, 29 Julai 2026.

>> Muka 12

Penetapan pegawai kanan kerajaan

Siaran Akhbar : Jabatan Perkhidmatan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Julai. - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan ini memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi

Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim, ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya sebagai Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mulai 29 Jun 2026.

Membina pembimbing haji berintegriti berteraskan ilmu akhlak dan kompetensi

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen.
Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Ambiaie Walmursaleen,
Saidina Muhammadin Wa'ala Aalihee
Wasahbihee Waman Tabi'ahu Bi Ihsanin
'Ila Yau Mideen, Waba'du.
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

ALHAMDULILLAH setinggi kesyukuran ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat, taufiq dan inayah-Nya jua kita dapat berhimpun dalam Majlis Penyampaian Sijil Tamat Program bagi Sijil Professional Pembimbing Haji dan Umrah Pengambilan Pertama anjuran Pusat Latihan dan Peningkatan Kompetensi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Majlis ini adalah satu langkah penting dalam memperkukuh ekosistem bimbingan haji dan umrah di Negara Brunei Darussalam (NBD). Ia juga mencerminkan kesungguhan KUPU SB dalam melahirkan pembimbing ibadah yang berilmu, berkemahiran, beradab, berintegriti dan berwibawa.

Ibadah haji dan umrah bukan hanya perjalanan fizikal menuju Tanah Suci. Ia adalah perjalanan iman, perjalanan ilmu, perjalanan pengorbanan dan perjalanan penyucian diri. Oleh itu, jemaah yang menunaikan haji dan umrah memerlukan bimbingan yang sahih, tertib, mudah difahami dan berpaksikan hukum syarak.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya :

"Ambillah daripadaku cara kamu menunaikan manasik haji". [Sunan Kubra al-Baihaqi].

Hadis ini mengingatkan kita bahawa ibadah haji memerlukan ilmu dan panduan. Maka, pembimbing haji dan umrah mempunyai amanah yang besar. Mereka bukan sekadar menyampaikan maklumat, tetapi membimbing jemaah memahami ibadah, menjaga tertib manasik, menangani kekeliruan, menenangkan keresahan dan membantu jemaah melaksanakan ibadah dengan lebih yakin dan sempurna.

Program Sijil Profesional Pembimbing Haji dan Umrah ini amat bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Konvokesyen Ke-14 KUPU SB pada 21 November 2024.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu, mengandungi beberapa isyarat penting kepada KUPU SB. Antaranya, KUPU SB hendaklah terus berperanan melahirkan guru-guru agama yang terlatih, sebagai tonggak pembentukan akhlak dan pembekal ilmu kepada anak bangsa. Program-program KUPU SB hendaklah sentiasa dinilai dan diperbaharui supaya kekal relevan dengan keperluan negara, khususnya dalam bidang pendidikan Islam dan khidmat keagamaan.

KUPU SB hendaklah menghasilkan graduan dan tenaga profesional yang bukan sahaja berilmu, tetapi mampu menyumbang kepada masyarakat dan bersaing dalam keperluan semasa. KUPU SB hendaklah menjadi pelopor dalam memperkasa pendidikan agama dan peneraju kepada

dasar pendidikan patuh syarak. KUPU SB juga diberi ruang untuk memantau, menilai dan memberi pandangan terhadap amalan atau strategi pendidikan yang memerlukan pembaikan dari sudut hukum dan kemasyarakatan, melalui saluran institusi yang teratur.

Inilah mandat yang besar. Maka, KUPU SB tidak boleh hanya dilihat sebagai institusi yang melahirkan graduan semata-mata. KUPU SB hendaklah menjadi institusi ilmu yang hidup, berfungsi dan menyumbang langsung kepada keperluan negara. Dalam konteks ini, Program Sijil Profesional Pembimbing Haji dan Umrah adalah satu terjemahan praktikal kepada titah tersebut. Ia memperluaskan peranan KUPU SB daripada pendidikan formal kepada latihan profesional dan bimbingan masyarakat.

Menjelang Wawasan Brunei 2035, peranan KUPU SB perlu terus diperkasa. Wawasan Brunei 2035 menghendaki lahirnya rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi, berjaya, mempunyai kualiti kehidupan yang baik serta mampu menyumbang kepada pembangunan negara yang dinamik dan berdaya tahan.

Dalam kerangka itu, KUPU SB mempunyai peranan yang sangat penting. KUPU SB bukan sahaja perlu melahirkan guru agama, tetapi juga tenaga profesional keagamaan yang mampu menyumbang dalam pelbagai bidang kehidupan masyarakat. Ia adalah peluasan yang munasabah daripada amanah KUPU SB sebagai institusi perguruan agama yang perlu responsif kepada keperluan semasa masyarakat dan negara.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan berucap semasa Majlis Penyampaian Sijil Taklimat Program Bagi Pembimbing Haji dan Umrah bagi Pengambilan Pertama, pada Rabu 24 Jun 2026 yang berlangsung di Dewan Taalim KUPU SB, Bandar Seri Begawan.

Program Sijil Profesional Pembimbing Haji dan Umrah ini, adalah contoh yang baik. Ia menunjukkan bahawa ilmu agama bukan hanya diajar, tetapi diterjemahkan menjadi khidmat. Ia bukan hanya dibaca dalam kitab, tetapi dipandu dalam perjalanan ibadah.

Saya mengambil maklum bahawa program ini telah dilaksanakan selama 14 minggu dan menetapkan piawaian pencapaian yang tinggi, iaitu markah lulus minimum sebanyak 85 peratus bagi setiap modul dan juga 85 peratus bagi keseluruhan modul.

>> Muka 11

WAKTU SEMBAHYANG										
JULAI MASIHI	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
25	SABTU	10	4.44	4.54	6.16	6.40	12.28	3.50	6.37	7.51
26	AHAD	11	4.44	4.54	6.16	6.40	12.28	3.50	6.37	7.51
27	ISNIN	12	4.44	4.54	6.16	6.40	12.28	3.50	6.37	7.51
28	SELASA	13	4.44	4.54	6.17	6.40	12.28	3.50	6.37	7.51
29	RABU	14	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.49	6.37	7.50
30	KHAMIS	15	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.49	6.37	7.50
31	JUMAAT	16	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.49	6.37	7.50

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
33 25 °C	32 24 °C	31 23 °C	
Pekan Bangar			
32 25 °C	32 24 °C	31 24 °C	
Pekan Tutong			
33 25 °C	32 24 °C	31 24 °C	
Kuala Belait			
32 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	

Wallahualam Bissawab

Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

25 JULAI 2026

Gunakan ruang media sosial untuk perbincangan berhemah dan membina

Diera digital ini, media sosial telah menjadi ruang utama untuk berinteraksi, berkongsi buah fikiran, dan menyuarakan pendapat. Namun, kebebasan yang ditawarkan sering disalahgunakan apabila ia menjadi medan untuk mencaci, bergaduh, dan membuli. Fenomena ini bukan sahaja merosakkan perpaduan sosial tetapi juga memberi kesan negatif kepada kesihatan mental individu. Justeru, adalah penting untuk mengingatkan diri bahawa media sosial harus digunakan untuk perbincangan yang berhemah dan membina.

Perbincangan berhemah bermaksud menyampaikan pandangan dengan cara yang sopan, rasional, dan menghormati pendapat orang lain. Ia memerlukan kita untuk mendengar sebelum memberi respon, serta mengelakkan daripada menggunakan kata-kata yang kasar atau menghina. Dalam konteks ini, media sosial boleh menjadi platform yang efektif untuk menyelesaikan masalah, berkongsi ilmu, dan memperkukuhkan hubungan sosial. Contohnya, perbincangan mengenai isu semasa seperti pendidikan atau alam sekitar dapat dilakukan dengan memberikan fakta dan cadangan yang bernas, bukan dengan serangan peribadi atau komen yang tidak berasas.

Sebaliknya, apabila media sosial digunakan untuk mencaci, bergaduh, atau membuli, ia akan mencetuskan suasana toksik yang merugikan semua pihak. Aktiviti seperti ini bukan sahaja menjejaskan reputasi individu tetapi juga boleh membawa kepada konflik yang lebih besar, termasuk dalam kalangan keluarga dan komuniti. Lebih membimbangkan, kesan buli siber terhadap mangsa sering kali membawa kepada tekanan emosi, kemurungan, dan dalam kes-kes ekstrem, boleh mengakibatkan tragedi. Oleh itu, setiap pengguna media sosial perlu bertanggungjawab terhadap setiap perkataan yang dikongsi.

Untuk memastikan media sosial digunakan secara berhemah, beberapa langkah boleh diambil. Pertama, kita perlu sentiasa mengawal emosi sebelum menulis sebarang komen. Kedua, gunakan bahasa yang santun dan elakkan daripada menyebarkan berita palsu atau maklumat yang boleh memprovokasi. Ketiga, jika berlaku perbezaan pendapat, fokus kepada isu yang dibincangkan, bukan kepada serangan peribadi. Akhir sekali, laporkan sebarang kandungan yang berunsur kebencian atau buli kepada pihak berkuasa platform.

Kesimpulannya, media sosial adalah alat yang berkuasa jika digunakan dengan bijak. Marilah kita bersama-sama menjadikannya platform untuk perbincangan yang berhemah, demi kebaikan bersama. Ingatlah, di sebalik skrin, terdapat manusia yang mempunyai perasaan. Oleh itu, gunakan kata-kata untuk membina, bukan untuk menghancurkan. Dengan sikap bertanggungjawab, kita dapat mewujudkan persekitaran digital yang lebih harmoni dan sejahtera untuk semua. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن، جابتن فردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Majlis Ramah Mesra manifestasi cinta, setia rakyat kepada raja



TUTONG, Rabu, 22 Julai. - Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan rakyat dan penduduk daerah berkenaan.

Hampir seluruh penduduk di Daerah Tutong hadir menyaksikan majlis tersebut bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026 yang berlangsung di Kawasan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, hari ini. Daerah Tutong merupakan daerah pertama menjunjung keberangkatan baginda bagi majlis tersebut pada tahun ini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja di Helipad dijunjung oleh Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja

Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pengerusi - pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong (atas dan atas kiri).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Nur Hafilah Pg. Osman, Na'il Haris Haji Muhd. Nikman

baginda Ke-80 bagi Tahun 2026 dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri dan seterusnya dijunjung

berangkat ke Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong untuk beristirahat.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bercemar duli bersama rakyat baginda bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong (atas, atas kiri dan kiri). Sementara gambar bawah, antara penuntut yang mengibarkan bendera-bendera kecil NBD bagi mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama kerabat diraja.





SUASANA keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk (atas kiri, atas kanan dan gambar-gambar di bawah).

>> Muka 3

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Di tepi-tepi jalan bermula dari kawasan Helipad di Sungai Basong menuju ke Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, lebih 3,000

murid-murid sekolah Arab, rendah dan menengah kerajaan juga swasta berbaris memegang bendera kecil Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk mengalu-alukan keberangkatan baginda dan kerabat diraja sambil mengibarkan bendera tersebut serta melambaikan tangan mereka sambil terpancar kegembiraan di wajah mereka.

Di jalan masuk Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan pula, paluan hadrah bergema sebaik sahaja baginda berserta kerabat diraja berangkat tiba di kompleks tersebut, di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta kerabat

diraja dijunjung oleh Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sejurus itu, nyanyian Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan' dan kemudian diikuti dengan Persembahan Khas yang bertemakan 'Raja Bijaksana Inspirasi Rakyat' dipersembahkan Kehadapan Majlis baginda dan kerabat diraja.

Persembahan berkenaan menzahirkan semangat perpaduan menjunjung institusi beraja serta mengangkat raja yang bijaksana sebagai inspirasi

rakyat. Selepas itu laungan 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' sebanyak tiga kali dilaungkan.

Sejurus selepas itu, Kebawah DYMM berkenan beramah mesra bersama para peserta persembahan. Baginda seterusnya berkenan berangkat

bercemer duli bagi Majlis Ramah Mesra Bersama rakyat dan penduduk Daerah Tutong. Berangkat mengiringi Kebawah DYMM ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda.

>> Muka 5





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja dijunjung berangkat ke Majlis Santap di Dewan Persantapan, Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan (atas dan kanan).

>> Muka 4

Antara yang menjunjung keberangkatan pada majlis berkenaan ialah penuntut-penuntut sekolah, Perkhidmatan Awam, rakyat dan penduduk Daerah Tutong yang terdiri dari Mukim Telisai, Tanjong Maya, Pekan Tutong, Rambai, Keriam, Kiudang, Ukong dan Mukim Lamunin, Masyarakat dan Dewan Perniagaan Tionghua,

Masyarakat dan Dewan Perniagaan India, Syarikat-syarikat Telekomunikasi antaranya DST dan Imagine, bank-bank, Pengawasan Kejurangan, anak-anak istimewa, persatuan dan kumpulan belia, Pusat Kegiatan Warga Emas dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Pada Majlis Ramah Mesra tersebut, Kebawah DYMM juga berkenan menerima beberapa pesambah yang disebarkan

kepada sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80.

Kemudian Kebawah DYMM berserta kerabat diraja dijunjung berangkat ke Majlis Santap di Dewan Persantapan, Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan. Di sini, baginda disebarkan kepada empat individu yang memberikan sumbangan signifikan kepada negara.

Bagi memberkati majlis

tersebut, bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Tutong, Awang Haji Kaharudin bin Mohd. Ali.

Pada majlis itu, Kebawah DYMM juga berkenan memotong Kek Hari Keputeraan yang disebarkan khas sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80.

Sebelum berangkat balik meninggalkan Dewan Persantapan Dewan Utama,

Kebawah DYMM berserta kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan jempunan-jemputan khas.

Turut berangkat dan hadir, Yang Amat Mulia Pengiran - Pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri - menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja dijunjung bergambar ramai bersama empat individu yang memberikan sumbangan signifikan kepada negara (atas). Manakala gambar atas kanan, baginda memotong Kek Hari Keputeraan yang disebarkan khas sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80.



BACAAN Doa Selamat dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Tutong, Awang Haji Kaharudin bin Mohd. Ali.



KEBAWAH DYMM dan kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah (atas). Manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

PERSEMBAHAN KHAS ZAHIRKAN SEMANGAT PERPADUAN, MENJUNJUNG INSTITUSI BERAJA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja berkenan menyaksikan Persembahan Khas bertemakan 'Raja Bijaksana Inspirasi Rakyat'.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Nur Hafilah Pg. Osman, Na'il Haris Haji Muhd. Nikman

TUTONG, Rabu, 22 Julai. - Persembahan Khas bertemakan 'Raja Bijaksana Inspirasi Rakyat' menyerikan Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk bagi Daerah Tutong sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun yang

berlangsung di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong, hari ini.

Persembahan berkenaan mengangkat tema yang menonjolkan kedaulatan serta kewibawaan raja dalam menerajui rakyat dan negara ke arah kesejahteraan dan kemakmuran. Berkat karisma seorang raja yang bijaksana dan berjiwa rakyat, baginda menjadi tunjang utama yang membakar semangat serta memberi inspirasi kepada seluruh rakyat dan penduduk dalam merealisasikan hasrat Wawasan

Brunei 2035.

Konsep persembahan ialah memartabatkan keindahan seni warisan dan tradisi Melayu sebagai lambang jati diri serta budaya bangsa. Melalui gabungan pelbagai elemen seni, persembahan menzahirkan semangat perpaduan, menjunjung institusi beraja serta mengangkat raja yang bijaksana sebagai inspirasi rakyat dalam memelihara warisan, memacu kemajuan dan memperkukuh kesejahteraan serta kemakmuran negara.

Pesambah Kesenian Diraja tersebut menggabungkan seni suara, gerak tari, muzik dan irama lagu sebagai manifestasi jati diri, perpaduan serta kesetiaan rakyat kepada institusi beraja.

Persembahan berdurasi 18 minit itu melibatkan seramai 384 peserta dan dibahagikan kepada tiga segmen utama. Segmen pertama membuka tirai persembahan dengan menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui gabungan seni tradisi yang menampilkan Diangdangan, Tarian Berdatang Sembah, petikan gambus dan diakhiri dengan Menambang Syair.



PERSEMBAHAN mengangkat tema yang menonjolkan kedaulatan serta kewibawaan raja dalam menerajui rakyat dan negara ke arah kesejahteraan dan kemakmuran (atas, bawah kiri dan gambar-gambar bawah sekali). Sementara gambar bawah, antara yang menyaksikan persembahan.



>> Muka 7





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja dijunjung bergambar ramai bersama para peserta Persembahan Khas.



>> Muka 6

Segmen kedua mengetengahkan keindahan adat dan budaya bangsa menerusi susunan irama muzik, alunan qasidah, nyanyian serta gerak

langkah tarian tradisi yang mencerminkan kemanisan warisan Melayu yang diwarisi turun-temurun.

Kemuncak persembahan pada segmen ketiga menampilkan konsep pop tradisi moden kontemporari yang menggabungkan rentak muzik tradisi dan moden bersama elemen koreografi kreatif, dinamik dan bertenaga. Gabungan menghasilkan suasana persembahan yang megah, bersemangat dan penuh

karisma, sekali gus melambangkan kemajuan, kemakmuran dan kecemerlangan Negara Brunei Darussalam di bawah naungan payung mahkota raja yang bijaksana sebagai inspirasi kepada seluruh rakyat dan penduduk.

Konsep dan idea asal persembahan dihasilkan oleh Pegawai Pelajaran dalam Bidang Melayu Islam Beraja, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Mohammad Rimi bin Awang Ahmad.

ANTARA yang terlibat pada persembahan tersebut.



PERSEMBAHAN berdurasi 18 minit itu melibatkan seramai 384 peserta dan dibahagikan kepada tiga segmen utama (atas, kiri dan gambar-gambar di bawah).



TEGAKKAN UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA, KURANGKAN KETEGANGAN SERANTAU

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negeri East Asia Summit (EAS) Ke-16 dan mengadakan Pertemuan Dua Hala bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Subrahmanyam Jaishankar (atas kanan dan atas).

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Khamis, 23 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda

'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin



Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam pada sebelah petang berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negeri East Asia Summit (EAS) Ke-16 yang berlangsung di Philippine



International Convention Center, Manila, Republik Filipina.

Pada mesyuarat tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen bersabda menekankan bahawa EAS perlu memperkukuh keselamatan makanan serantau melalui sokongan kepada badan-badan sektoral ASEAN dalam memupuk pengeluaran makanan yang mampan, mempertingkatkan penyelarasan rantaian bekalan serta memperkukuh kesiapsiagaan

serantau bagi memastikan bekalan makanan yang mencukupi pada setiap masa.

Bagi mengekalkan keamanan, kestabilan dan kesiapsiagaan serantau, Duli Yang Teramat Mulia turut bersabda menegaskan EAS untuk terus menegaskan undang-undang antarabangsa, termasuk Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu serta menggalakkan langkah-langkah membina keyakinan bagi mengurangkan ketegangan serantau.

Duli Yang Teramat Mulia turut berkenan mengadakan Pertemuan Dua Hala bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Subrahmanyam Jaishankar.

Semasa pertemuan tersebut, kedua-dua pihak menegaskan semula komitmen terhadap Brunei Darussalam - India Enhanced Partnership serta bertukar - tukar pandangan mengenai perkembangan serantau dan antarabangsa.

Menyokong kestabilan kewangan serantau, perkukuh tindak balas kecemasan kesihatan awam



MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Khamis, 23 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN Plus Three (APT) Ke-27 dan ASEAN Regional Forum

(ARF) Ke-33 yang berlangsung di Philippine International Convention Center, Manila, Republik Filipina.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen semasa Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negeri APT Ke-27 bersabda menekankan peranan penting APT dalam menyokong kestabilan kewangan serantau serta memperkukuh tindak balas terhadap kecemasan kesihatan awam.

SEKITAR ASEAN Regional Forum (ARF) Ke-33.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN Plus Three (APT) Ke-27 yang berlangsung di Philippine International Convention Center, Manila, Republik Filipina (kiri dan atas).

Berdasarkan kejayaan APT Emergency Rice Reserve (APTERR), Duli Yang Teramat Mulia bersabda mencadangkan penubuhan satu mekanisme kesiapsiagaan terhadap gangguan bekalan tenaga serta melindungi pengangkutan dan rantaian bekalan serantau yang merangkumi simpanan strategik, perkongsian maklumat dan tindak balas yang selaras.

DYTM semasa ARF Ke-33 bersabda menekankan kepentingan dalam memperkukuh kerjasama serantau dalam menangani

persekitaran keselamatan global yang semakin kompleks, di samping bersabda menegaskan bahawa tiada sebuah negara pun mampu menangani cabaran tersebut secara bersendirian.

DYTM turut bersabda menegaskan peranan ARF dalam menggalakkan dialog, langkah-langkah membina keyakinan dan kerjasama praktikal.

DYTM seterusnya bersabda mengalu-alukan Manila Plan of Action (2026-2036) yang telah diluluskan untuk dijadikan panduan bagi pelaksanaan usaha forum tersebut sepanjang tempoh 10 tahun akan datang.



PERTEMUAN DUA HALA JALIN KERJASAMA LEBIH ERAT



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan mengadakan Pertemuan Dua Hala dengan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Australia, Puan Yang Terutama Penny Wong dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Wang Yi (kiri sekali dan kiri).

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

MANILA, REPUBLIK

FILIPINA, Rabu, 22 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam (NBD) berkenan mengadakan beberapa Pertemuan Dua Hala dengan beberapa Rakan-rakan Dialog ASEAN di samping Sesi-sesi ASEAN Post Ministerial Conference (PMC).

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen mengadakan pertemuan dengan Menteri



Hal Ehwal Luar Negeri Australia, Puan Yang Terutama Penny Wong. Kedua-dua pihak mengalu-alukan kemajuan melaksanakan Comprehensive Strategic Partnership, khususnya dalam bidang tenaga, sekuriti makanan, pertahanan, pendidikan serta pertukaran sesama rakyat.

Dalam Pertemuan Dua Hala bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Wang Yi, Duli Yang Teramat Mulia menegaskan semula hubungan persahabatan dan kerjasama yang telah lama terjalin antara NBD dan

China, khususnya sempena Ulang Tahun Ke-35 Hubungan Diplomatik pada tahun ini.

Kedua-dua pihak turut menegaskan komitmen untuk terus memperkukuh hubungan di bawah 'Strategic Cooperative Partnership towards a Brunei - China community with a shared future' demi manfaat bersama kedua-dua negara.

DYTM juga mengadakan pertemuan dengan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Menteri Perlombongan dan Menteri Perkhidmatan Kereta Api New Zealand, Tuan Yang Terutama Winston Peters.

Kedua-dua pihak menegaskan semula komitmen untuk terus memperkukuh kerjasama dua hala, khususnya dalam bidang perdagangan, tenaga dan

pertukaran sesama rakyat.

Menteri - menteri turut bertukar-tukar pandangan mengenai perkembangan serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.

Semasa Pertemuan Dua Hala bersama High Representative of the European Union for Foreign Affairs and Security Policy dan Vice President of the European Commission, Puan Yang Terutama Kaja Kallas, DYTM membincangkan bidang-bidang kerjasama yang berkepentingan bersama. Kedua-dua pihak juga bersetuju untuk memulakan semula rundingan mengenai NBD - EU Partnership Cooperation Agreement (PCA).

DYTM juga mengadakan pertemuan dengan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Korea, Tuan Yang Terutama Cho Hyun.

Semasa pertemuan tersebut, kedua-dua pihak menegaskan semula komitmen untuk terus memperkukuh NBD - Republic of Korea Strategic Partnership, di samping bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.

DYTM turut mengadakan Pertemuan Dua Hala dengan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Kanada, Puan Yang Terutama Anita Anand. Kedua-dua pihak meneliti kerjasama dua hala yang sedia terjalin serta menegaskan semula komitmen untuk meneruskan kerjasama dalam forum serantau dan pelbagai hala.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan mengadakan Pertemuan Dua Hala dengan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Menteri Perlombongan dan Menteri Perkhidmatan Kereta Api New Zealand, Tuan Yang Terutama Winston Peters dan High Representative of the European Union for Foreign Affairs and Security Policy dan Vice President of the European Commission, Puan Yang Terutama Kaja Kallas (kanan dan kanan sekali).



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan mengadakan Pertemuan Dua Hala dengan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Korea, Tuan Yang Terutama Cho Hyun (kiri sekali).

DYTM berkenan mengadakan Pertemuan Dua Hala dengan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Kanada, Puan Yang Terutama Anita Anand (kiri).

BERANGKAT MENGHADIRI SESI ASEAN POST MINISTERIAL CONFERENCE



Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Rabu, 22 Julai.

- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam (NBD) berkenan berangkat menghadiri Sesi-sesi ASEAN Post Ministerial Conference (PMC) bersama Rakan-rakan Dialog ASEAN yang berlangsung di Philippine International Convention Center, Manila, Republik Filipina.



Sepanjang hari tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen menyertai ASEAN PMC secara berasingan bersama India, Amerika Syarikat, China, Jepun dan Australia.

Manakala pada sebelah malam pula, Duli Yang Teramat Mulia seterusnya menghadiri ASEAN PMC bersama United Kingdom.

Selaku Negara Penyelaras bagi Hubungan Dialog ASEAN - European Union (EU), DYTm telah mempengerusikan

ASEAN PMC bersama EU dengan High Representative of the EU for Foreign Affairs and Security Policy and Vice-President of the European Commission, Puan Yang Terutama Kaja Kallas.

DYTm seterusnya mengetuai perbincangan yang menekankan kerjasama perdagangan dan ekonomi sebagai tonggak utama ASEAN - EU Strategic Partnership serta menekankan kepentingan memajukan perbincangan ke arah merealisasikan ASEAN - EU Free Trade Agreement bagi memperkukuh daya tahan serta mempelbagaikan *supply chains*.

DYTm juga menekankan kepentingan memperkukuh *people-to-people ties* bagi



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan berangkat menghadiri ASEAN Post Ministerial Conference (PMC) bersama India (kiri), manakala gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat ke ASEAN PMC bersama United Kingdom.

memastikan hubungan amali dan pertukaran yang dinamik serta profesional bagi mengeratkan mencadangkan peluasan lagi hubungan antara ASEAN peluang biasiswa, latihan dan EU.




DULI Yang Teramat Mulia mempengerusikan ASEAN PMC bersama EU dengan High Representative of the EU for Foreign Affairs and Security Policy and Vice-President of the European Commission, Puan Yang Terutama Kaja Kallas (atas), manakala gambar bawah kiri, DYTm berkenan berangkat ke ASEAN PMC bersama Amerika Syarikat. Sementara gambar bawah, sekitar keberangkatan DYTm pada Sesi ASEAN PMC berkenaan.



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon



AFSA, ZAHARA CHARITY FOUNDATION TANDATANGANI MOU PERKASA RAKAN SELIAAN

Siaran Akhbar dan Foto :

Persatuan Aftercare Support Association

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 Julai. - Dalam usaha berterusan membantu dan menyantuni Rakan Seliaan (RS), Persatuan Aftercare Support Association (AFSA) telah menandatangani Memorandum Perjanjian Persefahaman (MoU) bersama Zahara Charity Foundation, pada satu majlis yang berlangsung baru-baru ini.

Mewakili Zahara Charity Foundation bagi menandatangani MoU tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini bin Pengiran Dr. Haji Mohd. Yakub, manakala pihak AFSA diwakili oleh Yang Dipertua AFSA, Dayang Hajah Juhana binti Haji Mohd. Jaya.

Menyaksikan MoU berkenaan ialah Penasihat AFSA, Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Timbalan Yang Dipertua AFSA, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri dan pegawai-pegawai dari Zahara Charity Foundation.

Juga hadir, Pemangku Pengarah Penjara, Awang Bahrin bin Haji Mohd Yassin, wakil-wakil dari Biro Kawalan Narkotik, Ahli Jawatankuasa Tadbir AFSA, rakan strategik AFSA dan RS.

Dalam ucapan alu-aluannya, Yang Dipertua AFSA menjelaskan bahawa MoU tersebut bertujuan bagi menjalinkan kerjasama dan kolaborasi antara kedua-dua organisasi dalam pelbagai aspek khususnya ke arah membina kemahiran hidup RS dan peserta membuka lebih banyak peluang pekerjaan.

Beliau turut berkongsi pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh AFSA antaranya pembuatan kuih-muih, Kelas Hafazan Al-Quran, pertukangan tangan dan kraf tangan, projek 'Green House', selain berapa MoU dengan syarikat-syarikat dan agensi-agensi perseorangan.

Pada 4 Julai 2026 lalu, Persatuan AFSA telah dianugerahkan Anugerah Cemerlang bagi Kategori Kebajikan dan Sukarelawan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia



YANG Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini bin Pengiran Dr. Haji Mohd. Yakub berkenan dijunjung sesi bergambar ramai.

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ilal Hijrah 1448.

Majlis juga diserikan dengan lawatan ke beberapa aktiviti yang dikendalikan oleh AFSA iaitu Kelas Hafazan Al-Quran, masakan kuih muih dan pertukangan tangan yang dikendalikan oleh RS.

Dalam pada itu, pihak AFSA

turut merakamkan junjung kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini atas kesudian berangkat dan hadir ke majlis berkenaan.

Sesungguhnya keberangkatan dan kehadiran Yang Amat Mulia adalah sangat bermakna dan tinggi nilainya kepada Persatuan AFSA.

AFSA berharap pemeteraian MoU tersebut akan menjadi pemangkin kepada lebih banyak persatuan, syarikat dan organisasi untuk tampil menjalinkan kerjasama strategik bersama AFSA bagi sama-sama membantu dan menyantuni RS di negara ini. Komitmen, tanggungjawab dan kerjasama semua sangatlah dihargai dan diperlukan.

HALUAN

>> Muka 2

Ini menunjukkan bahawa program ini bukan sekadar kursus jangka pendek yang biasa, tetapi satu latihan profesional yang menekankan disiplin ilmu, ketekalan, kesungguhan dan kualiti. Saya juga melihat objektif program ini sebagai menyeluruh. Ia tidak hanya menumpukan kepada peningkatan ilmu hukum-hakam haji dan umrah, tetapi turut merangkumi kepakaran profesional, peningkatan kualiti pengalaman ibadah jemaah, pembentukan etika profesional, pengurusan risiko dan keselamatan, serta budaya latihan berterusan.

Dalam hubungan ini, saya ingin menekankan beberapa hala tuju penting. Pembimbing haji dan umrah hendaklah dimartabatkan sebagai bidang kepakaran profesional. Pembimbing bukan hanya pengiring atau penyampai maklumat. Pembimbing ialah rujukan ibadah, pendamping jemaah, penasihat amali dan contoh akhlak. Maka, latihan, penilaian dan pengiktirafan yang tersusun hendaklah terus diperkukuh.

Bimbingan haji dan umrah di negara ini perlu mempunyai piawaian yang jelas dan tersusun. Piawaian itu hendaklah meliputi ilmu manasik, fiqh Mazhab Syafi'i sebagai pegangan rasmi negara, pendedahan terkawal kepada pandangan mazhab muktabar, etika pembimbing, komunikasi, pengurusan jemaah, kesihatan asas, keselamatan dan keperluan semasa.

Kerjasama antara institusi hendaklah terus diperkukuh. Pengurusan haji dan umrah bukan urusan satu pihak sahaja. Ia melibatkan Jabatan Urusan Haji, Jabatan Mufti Kerajaan, Majlis Ugama Islam Brunei, KUPU SB, Pusat Promosi Kesihatan, agensi operator haji dan umrah serta pihak-pihak berkepentingan yang lain. Setiap pihak mempunyai peranan masing-masing dalam

memastikan jemaah menerima bimbingan dan perkhidmatan yang terbaik.

Pembimbing haji dan umrah hendaklah dipersiapkan dengan realiti semasa pengurusan haji moden. Pengalaman menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji dan Simposium Haji Perdana di Jeddah (dan terakhir pada 20 Mei 2026 yang lalu) memberi isyarat bahawa pengurusan haji masa kini semakin tersusun, bersepadu dan berasaskan ilmu, teknologi serta perancangan awal. Realiti ini menuntut pembimbing memahami bukan sahaja hukum dan manasik, tetapi juga disiplin jemaah, keselamatan, kesihatan, pengurusan risiko, penggunaan teknologi, peraturan rasmi serta kepentingan mematuhi arahan pihak berkuasa haji.

Program ini hendaklah menjadi permulaan kepada pembangunan profesional berterusan. Sijil yang diterima pada hari ini bukan pengakhiran tugas, tetapi permulaan amanah. Selepas ini, pembimbing hendaklah terus meningkatkan ilmu, mengikuti latihan penyegaran, memperbaiki kemahiran dan menilai pengalaman sebenar di lapangan.

Dalam memperkukuh program ini, kita juga wajar mengambil iktibar daripada amalan baik di rantau ini. Ada negara yang telah membangunkan sistem bimbingan haji secara bertahap dan berterusan. Ada yang menekankan tadbir urus, kesihatan, keselamatan dan penyelarasan rapat dengan operator. Dan ada pula yang menekankan pensijilan serta penilaian kompetensi pembimbing secara khusus. Semua ini memberi isyarat bahawa bimbingan haji dan umrah pada hari ini tidak lagi boleh bersifat ad hoc atau bergantung kepada pengalaman semata-mata (biasanya apa yang diamalkan ialah banyak bergantung kepada ustaz, mutawif dan pembimbing berdasarkan kepada pengalaman masing-masing). Tetapi kini, haji

dan umrah sudah menjadi lebih kompleks (ada sistem digital, aplikasi, permit, jadual pergerakan, peraturan Kerajaan Arab Saudi, isu kesihatan, warga emas, keselamatan, *crowd management* dan risiko kecemasan). Maka, ia perlu disusun sebagai satu sistem profesional yang mempunyai latihan, piawaian, penilaian, pemantauan dan penambahbaikan berterusan.

Oleh itu, peramba / saya melihat Program Sijil Profesional Pembimbing Haji dan Umrah ini sebagai satu permulaan yang baik bagi NBD. Ia hendaklah terus diperkukuh sehingga mampu menjadi asas kepada pembentukan piawaian nasional pembimbing haji dan umrah, dengan mengambil kira pegangan Mazhab Syafi'i, keputusan pihak berkuasa ugama, keperluan operasi haji, kesihatan dan keselamatan jemaah, perkembangan teknologi, serta perubahan semasa pengurusan haji dan umrah.

Pada masa yang sama, usaha ini hendaklah dibuat secara teratur melalui penyelarasan dengan pihak-pihak berkuasa dan agensi-agensi berkaitan. Apa-apa bentuk pengiktirafan atau piawaian rasmi, hendaklah disusun dengan jelas supaya kedudukan pembimbing, operator dan pihak berkuasa tidak bercampur aduk, bahkan saling melengkap.

Peramba / saya juga ingin menegaskan bahawa pembimbing haji dan umrah perlu membawa pendekatan yang seimbang antara ilmu, hikmah dan akhlak. Dalam membimbing jemaah, bukan semua perkara dapat diselesaikan dengan jawapan hukum semata-mata. Ada waktunya jemaah memerlukan penerangan. Ada waktunya jemaah memerlukan kesabaran. Ada waktunya jemaah memerlukan ketenangan. Ada waktunya jemaah memerlukan bimbingan yang lembut tetapi tegas. Pembimbing yang baik ialah pembimbing yang berilmu tetapi tawaduk; tegas tetapi berhikmah;

mahir tetapi tidak menyukarkan; dan sentiasa mengutamakan masalah jemaah dalam lingkungan hukum syarak.

Kepada para peserta program yang diraikan pada hari ini, peramba / saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah. Kejayaan *abiskita* menamatkan program ini adalah satu pencapaian yang membanggakan. Namun, lebih besar daripada sijil yang diterima ialah amanah yang menanti selepas ini. Masyarakat akan melihat *biskita* sebagai orang yang mempunyai ilmu dan kelayakan untuk membimbing. Oleh itu, jagalah kepercayaan ini. Teruslah belajar. Teruslah memperbaiki diri. Teruslah bertanya kepada pihak yang berautoriti apabila berdepan dengan persoalan hukum yang sukar.

Jangan mudah memberikan jawapan tanpa ilmu. Jangan pula menjadikan pengalaman sebagai alasan untuk tidak lagi belajar. Jadilah pembimbing yang menenangkan jemaah, bukan menambah keresahan. Jadilah pembimbing yang memudahkan kefahaman, bukan menambah kekeliruan. Jadilah pembimbing yang membawa akhlak Islam, bukan sekadar menyampaikan maklumat. Dan jadilah pembimbing yang sentiasa sedar bahawa membimbing tetamu Allah adalah satu kemuliaan dan amanah yang besar.

Kepada KUPU SB, khususnya Pusat Latihan dan Peningkatan Kompetensi, peramba / saya merakamkan penghargaan atas usaha menerajui program ini. Semoga pengambilan pertama ini menjadi asas kepada penambahbaikan berterusan, dan seterusnya melahirkan lebih ramai pembimbing haji dan umrah yang kompeten, berintegriti dan berwibawa. Peramba / Saya juga berharap agar KUPU SB terus memperkukuh program ini melalui semakan modul, latihan amali, simulasi bimbingan, kursus penyegaran, kerjasama institusi dan penilaian keberkesanan

berdasarkan maklum balas jemaah serta agensi-agensi berkaitan.

Saya turut mengambil maklum bahawa majlis ini diserikan dengan pelancaran Buku Panduan Pembimbing Haji dan Umrah terbitan KUPU SB. Penerbitan buku ini amat bertepatan sebagai bahan rujukan asas untuk menyelaraskan kefahaman, pendekatan dan amalan bimbingan haji dan umrah. Dengan adanya buku panduan ini, kita melangkah setapak lebih dekat ke arah melahirkan jemaah yang celik ilmu, celik teknologi dan celik rohani demi menjadikan ibadah haji dan umrah sebagai pengalaman yang sempurna dan penuh keberkatan. Syabas kepada KUPU SB. Namun, buku panduan ini hendaklah dilihat sebagai dokumen yang hidup. Ia perlu sentiasa disemak dan dikemaskini berdasarkan perubahan semasa, keputusan pihak berautoriti, pengalaman lapangan, serta keperluan jemaah dari semasa ke semasa.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa semoga program ini terus diberkati, diperkukuh dan dipermudahkan. Semoga ia menjadi salah satu sumbangan bermakna KUPU SB dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam meningkatkan mutu bimbingan haji dan umrah NBD. Semoga para pembimbing yang diraikan pada hari ini menjadi pembimbing yang amanah, berilmu, berakhlak, berkhidmat dengan ikhlas dan sentiasa membawa manfaat kepada agama, raja, negara dan masyarakat.

Maka dengan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim* selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan rasminya melancarkan Buku Panduan Pembimbing Haji dan Umrah terbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan tahun 2026. Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

RAPTAI PENUH MAJLIS RAMAH MESRA DAERAH TEMBURONG

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

TEMBURONG, Khamis, 23 Julai. - Raptai penuh Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Temburong sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026 telah diadakan pagi tadi, bertempat di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, di sini.

Berangkat bagi menyaksikan raptai penuh ialah Yang Di-Pertua

Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026.

Juga hadir bagi menyaksikan raptai penuh berkenaan ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan

Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar berangkat bagi menyaksikan raptai penuh. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet.

Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham



bin Haji Jaafar, selaku Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026.

Raptai berkenaan turut disaksikan oleh Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut berangkat ialah Pemangku Grand Chamberlain, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali, selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-80 bagi Tahun 2026.

Raptai pada hari ini turut

dihadiri oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Setiausaha - setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Pemangku-pemangku Pegawai Daerah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80 bagi Tahun 2026.

Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Temburong sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80 bagi Tahun 2026 akan diadakan pada Selasa, 4 Ogos 2026 bertempat di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar.



ANTARA yang turut serta pada raptai berkenaan.

Raptai penuh pastikan kelancaran Majlis Ramah Mesra Daerah Brunei dan Muara



>> Muka 1

Berangkat pada majlis berkenaan ialah Yang Di-Pertua

Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja

Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026; Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM)



ANTARA yang menyertai raptai pada majlis yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara (kiri dan atas kiri).



BERANGKAT dan hadir bagi menyaksikan raptai penuh ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar dan Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit

dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad dan Menteri

Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Pada sambutan tahun ini, Persembahan Khas bertemakan 'Menjunjung Raja Tampuk Negara' melibatkan penuntut-penuntut dari sekolah kerajaan dan swasta (peringkat rendah hingga ke peringkat menengah); belia-belua, agensi kerajaan dan swasta; persatuan, penggiat seni tanah air serta Orang Kelainan Upaya (OKU) cacat penglihatan.

TERUS MEMPERKUKUH KEPERCAYAAN ORANG AWAM, MENINGKATKAN MARTABAT UNDANG-UNDANG SYARIAH

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Julai. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu menekankan, Penghargaan Khas dan Apresiasi Khas Jasa dan Bakti Mahkamah Syariah adalah satu penghormatan yang istimewa bagi mengiktiraf keperibadian, ketokohan dan jasa-jasa para penerima dalam perkembangan Mahkamah - Mahkamah Syariah sepanjang 25 tahun.

Yang Berhormat menjelaskan, tempoh 25 tahun bukanlah suatu tempoh yang singkat.

"Pelbagai pembaikan dan kemajuan telah dicapai, sama ada dari segi pembangunan insan, kemajuan infrastruktur mahupun peningkatan perkhidmatan kepada orang ramai," ujar Yang Berhormat pada Majlis Kesyukuran dan Apresiasi Warga Mahkamah-Mahkamah Syariah bersempena Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Penubuhannya yang berlangsung di Dewan Banquet, Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini.

Menurut Yang Berhormat lagi, pencapaian berkenaan adalah hasil daripada sumbangan pemikiran, tenaga dan bakti insan-insan yang tidak pernah jemu berkhidmat.

Sepanjang tempoh berkenaan jelas Yang Berhormat, Mahkamah Syariah telah diterajui oleh tiga tokoh Ketua Hakim Syarie yang meneruskan objektif, visi dan misi yang sama, iaitu Allahyarham Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal; Allahyarham Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim; dan kini Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri

Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Tambah Yang Berhormat, semoga sosok tokoh-tokoh berkenaan terus menjadi pemangkin semangat kepada keseluruhan warga Mahkamah Syariah.

Sepanjang perjalanan 25 tahun berkenaan kata Yang Berhormat lagi, terdapat beberapa pencapaian dan sumbangan penting Mahkamah-Mahkamah Syariah yang wajar untuk diketengahkan.

Ini jelas Yang Berhormat termasuk pemodenan struktur kehakiman syariah menerusi penguatkuasaan Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, Penggal 184, yang telah menggantikan sistem Mahkamah Kadhi kepada struktur yang lebih sistematik, iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah; pemerkasaan rangka kerja perundangan syariah menerusi pelaksanaan Perintah Kanun Hukum Jenayah Syariah, yang telah memperluas skop dan bidang kuasa keadilan syariah di negara ini secara berperingkat; pemodenan penyampaian perkhidmatan menerusi pengenalan sistem e-Syariah; penggunaan mekanisme Sulh (mediasi) sebagai wadah penyelesaian pertikaian kekeluargaan secara aman, cepat dan bertepatan dengan semangat musyawarah dalam Islam; serta pembangunan sumber manusia secara berterusan dalam kalangan Hakim-hakim Syarie, Pendaftar dan pegawai-pegawai Mahkamah Syariah, bagi memastikan penyampaian keadilan syariah yang berkualiti dan relevan dengan keperluan semasa.

Lebih daripada pencapaian institusi semata-mata, Yang Berhormat seterusnya

menegaskan bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) amat bertuah kerana dikurniakan sistem perundangan yang unik lagi istimewa, iaitu wujudnya Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil yang berfungsi secara harmoni, saling melengkapi dan saling menghormati bidang kuasa masing-masing dalam menegakkan keadilan bagi rakyat dan penduduk negara ini.

Yang Berhormat seterusnya menambah, keharmonian dan keserasian di antara kedua-dua sistem kehakiman berkenaan merupakan satu cerminan jelas kepada ayat 15, Surah Saba, iaitu 'Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur', yang bermaksud sebuah negara yang aman lagi makmur, yang mendapat keberkatan dan keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Setentunya jelas Yang Berhormat lagi, pentadbiran keadilan yang saksama, teratur dan berlandaskan kepada nilai-nilai murni agama Islam, adalah faktor penyumbang yang penting kepada kemakmuran dan keberkatan yang dikecapi di negara ini.

"Sehubungan itu, peramba / kaola / saya ingin memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena Mesyuarat Majlis Ugama Islam pada 15 Mac 2011 yang antara lainnya mengentengahkan : "... dengan kita mempunyai dua sistem perundangan dan dua sistem kehakiman, syarak dan sivil, adalah tiada masalah jika ia dikekalkan berjalan seiring..."

"Setentunya titah ini jelas menggariskan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia agar kedua-dua sistem kehakiman ini terus berjalan seiring demi kesejahteraan rakyat dan penduduk negara," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya mengucapkan setinggi - tinggi tahniah kepada para penerima anugerah dan juga kepada keseluruhan warga Mahkamah-Mahkamah Syariah atas kecemerlangan yang berterusan dalam memainkan peranan menegakkan undang-undang secara amnya dan undang-undang syariah secara khasnya.

Komitmen daripada seluruh warga Mahkamah Syariah terhadap keadilan, integriti dan perkhidmatan awam tambah Yang Berhormat lagi, telah memperkukuh kepercayaan orang awam serta meningkatkan martabat undang-undang syariah di dalam negara. Dalam kesempatan itu, Yang Berhormat menyeru seluruh warga Mahkamah Syariah untuk meneruskan usaha-usaha dalam menambah baik serta meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai, dan seterusnya mempererat lagi kerjasama serta penyelarasan bersama Mahkamah-Mahkamah Sivil selaras dengan keharmonian sistem kehakiman negara.

Usaha-usaha seperti berkenaan kata Yang Berhormat, sekali gus akan dapat menyumbang kepada pencapaian salah satu matlamat utama di bawah Wawasan Brunei 2035, iaitu kualiti kehidupan rakyat yang tinggi.

Ke arah itu, Yang Berhormat berpandangan bahawa Mahkamah-Mahkamah Syariah dapat memperluaskan skop perkhidmatan dalam talian menerusi platform e-Syariah bagi kemudahan orang ramai, mengukuhkan lagi kepercayaan dan liputan mekanisme Sulh bagi mempercepatkan penyelesaian kes-kes mal dan kekeluargaan secara aman, menambah bilangan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) semasa berucap.

dan memperkukuh latihan Peguam Syarie bertauliah bagi memastikan orang ramai mempunyai akses guaman yang mencukupi dan berkualiti, memperkukuh program kesedaran dan literasi undang-undang syariah kepada orang ramai supaya masyarakat lebih memahami hak dan prosedur di Mahkamah Syariah, mempererat lagi kerjasama dan penyelarasan di antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah-Mahkamah Sivil bagi memastikan penyampaian keadilan yang lebih menyeluruh, konsisten dan bersepadu kepada rakyat, serta mengadakan lebih banyak program latihan bersama, dialog dan pertukaran pengalaman di antara pegawai - pegawai Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil bagi mengukuhkan persefahaman, keserasian serta hubungan kerja yang erat di antara kedua-dua sistem kehakiman di negara ini.

Majlis Kesyukuran sempena Sambutan Jubli Perak penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Julai. - Mahkamah-Mahkamah Syariah, Negara Brunei Darussalam petang tadi mengadakan Majlis Kesyukuran dan Apresiasi Warga Mahkamah-Mahkamah Syariah bersempena Sambutan Jubli Perak 25 Tahun penubuhannya yang berlangsung di Dewan Banquet, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri di

Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.

Turut hadir ialah jemputan-jemputan khas antaranya, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka

Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar; dan Pemangku Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Arif Dato Paduka Awang Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Seramai 25 penerima Apresiasi Khas Jasa dan Bakti Mahkamah Syariah yang antaranya ialah Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim yang merupakan mantan Hakim



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie (kiri). Manakala gambar atas, Penghargaan Khas Tokoh Kehakiman Syariah kepada Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim atas jasa bakti, sumbangan kepimpinannya dalam memperkasa dan memartabatkan Institusi Kehakiman Syariah di NBD.

Mahkamah Rayuan Syariah dan Ketua Hakim Syarie Mahkamah Rayuan Syariah.

Selain itu, bersempena dengan Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah pada tahun ini juga diselenggarakan dengan Penghargaan Khas Tokoh Kehakiman Syariah kepada Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim atas jasa bakti, sumbangan kepimpinannya dalam memperkasa dan memartabatkan Institusi Kehakiman Syariah di NBD.

Penyampaian Penghargaan Khas Tokoh Kehakiman dan Apresiasi Khas Jasa dan Bakti

Warga Mahkamah-Mahkamah Syariah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Penganjuran majlis berkenaan adalah bertujuan untuk menzahirkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada warga-warga Mahkamah Syariah atas jasa bakti, kecemerlangan, kesetiaan dan dedikasi yang dicurahkan di sepanjang tempoh 25 tahun perkhidmatan.

Adalah menjadi harapan, melalui pengiktirafan dan penghargaan berkenaan akan dapat meningkatkan motivasi dan menyuntik semangat kerja dalam kalangan warga Mahkamah Syariah dan juga dijadikan sebagai inspirasi kepada generasi yang baharu.

MENG GALAKKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI DIGITAL, AI BAGI MEMPERKASA RANTAU ASIA-PASIFIK

2026 APEC DIGITAL AND AI MINISTERIAL MEETING

JULY 23, 2026

CHENGDU, CHINA



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam pada The 2026 APEC Digital and AI Ministerial Meeting.

yang selamat, terjamin dan dipercayai.

Kelima, mengiktiraf bahawa pelaburan yang signifikan diperlukan bagi menyokong transformasi digital dan AI serta mengambil maklum peranan penting pendekatan sumber terbuka yang dipercayai dalam menggalakkan inovasi, dengan tetap menghormati aspek keselamatan, perlindungan data dan hak harta intelek.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) semasa The 2026 APEC Digital and AI Ministerial Meeting telah diketuai oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Delegasi turut disertai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof serta pegawai-pegawai kanan daripada MTIC dan Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI).

Semasa mesyuarat ini juga, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi telah mengadakan beberapa perbincangan dua hala bersama rakan-rakan sejawat dari Negara-negara Anggota ASEAN dan Republik Rakyat China bagi membincangkan usaha dalam memperkukuh kerjasama dalam bidang digital.

Perbincangan turut meliputi pertukaran dasar mengenai transformasi kerajaan digital dan inovasi sektor awam, tadbir urus AI, tadbir urus data, pembangunan ekonomi digital serta keselamatan dalam talian, di samping meneruskan kerjasama praktikal melalui mekanisme ASEAN dan APEC.

Sebagai sebahagian daripada The 2026 APEC Digital and AI Ministerial Meeting, delegasi NBD yang diketuai oleh Setiausaha Tetap, MTIC, akan menyertai 2026 APEC High-Level Roundtable on Data for Growth yang akan diadakan pada 25 Julai 2026.

The 2026 APEC Digital and AI Ministerial Meeting telah menyediakan platform yang bermanfaat bagi NBD untuk menilai kemajuan transformasi digital berdasarkan kepada perspektif serantau. Perbincangan yang diadakan mencerminkan keselarasan antara bidang-bidang berkeutamaan serantau dengan aspirasi NBD untuk terus mempertingkatkan kesejahteraan rakyat melalui penerimgunaan AI yang bertanggungjawab, selamat dan inklusif.

Mesyuarat tersebut turut membincangkan perkembangan teknologi yang semakin pesat, termasuk persediaan di arah era teknologi kuantum, di samping mengiktiraf peralihan daripada era transformasi digital kepada era transformasi berteraskan AI.

Perkongsian pandangan dan amalan-amalan terbaik semasa mesyuarat ini akan dijadikan asas yang bernilai menyokong pelaksanaan Digital Brunei 2030 secara berkesan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

CHNEGDU, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Jumaat, 24 Julai. - The 2026 APEC Digital and AI Ministerial Meeting telah diadakan di Chengdu, Republik Rakyat China dan dipengerusikan oleh Menteri Industri dan Teknologi Maklumat Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Lecheng di

bawah tema 'Digital Technologies and AI for the Empowerment of an Asia-Pacific Community'.

Mesyuarat dihadiri oleh lebih daripada 170 perwakilan daripada ekonomi-ekonomi anggota APEC.

Semasa mesyuarat tersebut, ekonomi-ekonomi anggota APEC menegaskan semula komitmen

terhadap APEC Putrajaya Vision 2040 ke arah mewujudkan sebuah komuniti Asia Pasifik yang terbuka, dinamik, berdaya tahan dan aman menjelang tahun 2040.

Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa tema tersebut adalah selaras dengan keutamaan APEC 2026 iaitu 'Openness, Innovation, Cooperation' serta menyokong usaha berterusan di bawah APEC Internet and Digital

Economy Roadmap dan The APEC Artificial Intelligence Initiative 2026 2030.

Sehubungan itu, mesyuarat juga mengiktiraf peranan berterusan APEC sebagai pemudah cara kepada pertumbuhan ekonomi jangka panjang di rantau ini melalui penggunaan teknologi digital dan Kecerdasan Buatan (AI).

Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa ekonomi-ekonomi anggota APEC mempunyai pendekatan yang berbeza dalam dasar digital dan AI masing-masing, namun APEC kekal berada pada kedudukan yang strategik untuk menggalakkan penggunaan teknologi digital dan AI bagi memperkasa rantau Asia-Pasifik.

Mesyuarat seterusnya telah memfokuskan perbincangan kepada lima bidang kerjasama utama. Pertama, mengiktiraf kepentingan keterhubungan digital yang sejagat dan bermakna serta menggalakkan usaha untuk meningkatkan kemampuan kos, kebolehcapaian dan kualiti rangkaian, khususnya di kawasan luar bandar dan kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan, di samping menyokong penggunaan teknologi generasi baharu serta aliran data rentas sempadan yang dipercayai.

Kedua, membincangkan bagaimana teknologi digital dan AI dapat memacu pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan produktiviti dan menggalakkan penggunaannya secara bertanggungjawab dalam sektor pembuatan, pertanian dan perkhidmatan.

Penekanan turut diberikan kepada sokongan terhadap Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui penyediaan penyelesaian digital yang berpatutan serta mudah dilaksanakan.

Ketiga, menegaskan bahawa literasi digital, termasuk literasi dan kemahiran AI, merupakan elemen penting bagi memastikan penggunaan teknologi yang berkesan.

Sehubungan itu, mesyuarat menggalakkan pelaksanaan program pembangunan kapasiti, pendidikan, latihan dan kesedaran awam bagi melengkapkan masyarakat dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menyertai dunia digital dengan yakin.

Keempat, mengiktiraf risiko yang berkaitan dengan pelanggaran data, penipuan dalam talian serta penyalahgunaan AI, menyuarakan kebimbangan terhadap peningkatan kes penipuan dalam talian, dan menyeru kepada kerjasama serta perkongsian maklumat yang lebih erat bagi mewujudkan persekitaran digital

Galakkan tadbir urus keamanan yang inklusif



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik menyertai Mesyuarat AIPA Caucus Ke-17 secara dalam talian pada 22 Julai 2026.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Julai. - Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Yang Dilantik iaitu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof dan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin telah menyertai Mesyuarat AIPA Caucus Ke-17 secara dalam talian pada 22 Julai 2026.

Mesyuarat yang bertemakan 'The Role of Parliament in Strengthening ASEAN Centrality in Navigating Complex Global Challenges' telah dianjurkan oleh Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (House of Representatives of the Republic of Indonesia).

Antara lain yang dibincangkan termasuk status implementasi resolusi-resolusi yang telah

diluluskan semasa Perhimpunan Agung AIPA Ke-46 di Kuala Lumpur, Malaysia; peranan AIPA dalam menggalakkan tadbir urus keamanan yang inklusif melalui perbincangan 'AIPA Key Role in Promoting Inclusive Peace Governance' serta sumbangan AIPA dalam menangani perubahan iklim menerusi tema 'ASEAN and Climate Change: AIPA Contributions to Protect the Future of the People'; serta perbincangan dan pertimbangan Laporan Mesyuarat AIPA Caucus Ke-17.

Semasa mesyuarat tersebut, perwakilan MMN telah mengongsikan laporan negara mengenai status implementasi bagi resolusi-resolusi yang telah diluluskan semasa Perhimpunan Agung AIPA Ke-46 dengan mengongsikan undang-undang dan inisiatif negara yang berkaitan.

Perwakilan MMN turut menyampaikan intervensi semasa sesi perbincangan bagi menyatakan sokongan terhadap usaha AIPA dalam merealisasikan ASEAN Community Vision 2045.

Selain itu, perwakilan Negara Brunei Darussalam turut mengongsikan komitmen negara dalam memperkukuh usaha kolektif ASEAN untuk menangani perubahan iklim, antaranya melalui peranannya sebagai tuan rumah kepada Pusat ASEAN bagi Perubahan Iklim (ASEAN Centre for Climate Change).

Pada akhir mesyuarat, Ketua-Ketua Perwakilan telah menandatangani laporan bagi Mesyuarat AIPA Caucus Ke-17 yang kemudiannya diikuti dengan Ucapan Penerimaan daripada Republik Demokratik Rakyat Lao sebagai negara hos bagi Mesyuarat AIPA Caucus Ke-18 pada tahun 2027.



YANG Amat Mulia Pengiran Muda Dr. Abdul Fattaah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Baiduri Sendirian Berhad semasa mengurniakan sabda.

TUNGKU LINK, Rabu, 22 Julai. - Kelestarian kini bukan lagi sekadar usaha memelihara alam sekitar, malah menjadi asas penting dalam memperkukuh ekonomi, meningkatkan daya saing perniagaan, memperkasa masyarakat serta mempersiapkan negara menghadapi cabaran masa depan.

Perkara tersebut disabdakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dr. Abdul Fattaah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Baiduri Sendirian Berhad berkenan mengurniakan sabda semasa pembukaan pada Sustainable Future Forum 2026 anjuran Asia Inc Forum yang berlangsung di Mutiara Exchange, hari ini.

Menurut sabda Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dr. Abdul Fattaah, forum berkenaan terus menjadi platform penting yang menghimpunkan pelbagai pihak daripada latar belakang, kepakaran dan pengalaman berbeza bagi berkongsi pandangan serta meneroka usaha bersama ke arah membina masa depan yang lebih mampan dan berdaya tahan.

Yang Amat Mulia bersabda, kelestarian perlu dilihat dalam skop

KELESTARIAN ASAS MEMPERKUKUH EKONOMI, MASA DEPAN NEGARA

yang lebih luas kerana ia bukan sahaja berkaitan alam sekitar, malah turut mempengaruhi aliran pelaburan, daya saing perniagaan, pembangunan bandar, rantaian bekalan serta pertumbuhan ekonomi global.

Dalam hubungan itu, perkembangan pesat teknologi seperti Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) dilihat mampu membantu meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga, produktiviti sektor pertanian dan ramalan iklim.

Walau bagaimanapun, sabda YAM, penggunaannya juga memerlukan tenaga, air dan infrastruktur digital yang besar, sekali gus mewujudkan cabaran baharu dalam usaha mencapai sasaran kelestarian.

Menyentuh mengenai perkembangan di rantau ASEAN, YAM bersabda bahawa setiap negara sedang melaksanakan pelbagai inisiatif mengikut tahap pembangunan masing-masing, termasuk memperkukuh dasar iklim dan meningkatkan pelaburan dalam teknologi tenaga bersih.

Bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), YAM menegaskan bahawa perubahan global perlu dilihat sebagai peluang untuk memperkukuh ekonomi negara selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

"Kita mungkin tidak dapat mempengaruhi arah perubahan global, tetapi kita boleh menentukan bagaimana kita bertindak balas terhadap

perubahan tersebut. Di situlah terletak peluang kita," sabda YAM.

YAM seterusnya menegaskan bahawa masa depan yang mampan hanya dapat direalisasikan melalui kerjasama erat antara kerajaan, sektor swasta, institusi kewangan dan masyarakat.

"Marilah kita bersama-sama menggunakan forum ini bukan sahaja bertukar-tukar idea, malah memperkukuh kerjasama, mencetuskan inovasi serta membina keupayaan yang diperlukan negara dalam menghadapi masa hadapan. Ini kerana masa depan yang mampan bukan sesuatu yang kita warisi, tetapi sesuatu yang kita bina bersama," sabda YAM.

Sementara itu, Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD, Tuan Yang Terutama Ken O'Flaherty, yang juga bekas Duta Serantau COP26 bagi rantau Indo-Pasifik dan negara-negara Membangun Kepulauan Kecil dalam ucapannya berkata bahawa NBD mempunyai kedudukan yang kukuh untuk memanfaatkan peralihan global ke arah ekonomi hijau melalui komitmen negara mencapai sasaran pelepasan karbon sifar bersih (*net-zero emissions*) menjelang tahun 2050, di samping memiliki sumber semula jadi yang

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

kaya, sektor tenaga yang kukuh serta kedudukan strategik di rantau Asia.

Tuan Yang Terutama berkata, United Kingdom (UK) dan NBD kini terus memperkukuh kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk peralihan tenaga, industri luar pesisir, teknologi bersih, pembiayaan hijau serta pemeliharaan hutan yang menjadi aset semula jadi penting negara dalam menyokong pertumbuhan yang mampan dan mesra alam.

Menurut TYT, kerjasama tersebut memberi tumpuan kepada usaha menterjemahkan aspirasi kepada tindakan melalui penerokaan peluang dalam bidang penyahkarbonan industri, tenaga bersih, pengurusan karbon, penyelesaian berasaskan alam semula jadi serta pelaburan mampan.

UK ujar TYT, akan terus menyokong aspirasi NBD dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam usaha memperkukuh pertumbuhan ekonomi mampan, tindakan terhadap perubahan iklim dan kepelbagaian ekonomi.

Sustainable Future Forum 2026 kali keempat yang membawa tema 'Climate Risk, Challenge and

Opportunity : Brunei Perspectives' itu menghimpunkan rakan-rakan serantau, pemimpin korporat, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), agensi kerajaan, golongan belia serta pelbagai pihak yang menjadi pemangkin perubahan di bawah satu bumbung bagi membincangkan persoalan-persoalan penting berkaitan keperluan mendesak menangani perubahan iklim.

Antara fokus utama forum ialah bagaimana mencapai sasaran pelepasan karbon sifar bersih (*net-zero*) secara inklusif, dengan memastikan semua lapisan masyarakat dan sektor turut terlibat dalam proses peralihan ke arah pembangunan yang lebih mampan.

Forum berkenaan juga menghimpunkan barisan pakar serantau daripada Clean Energy Investor Group (Australia), Asian Institute of Tourism (Republik Filipina), di samping penyertaan rakan-rakan korporat tempatan seperti Bank Baiduri, PETRONAS Carigali Brunei Ltd., Brunei Fertilizer Industries, Brunei Methanol Company, Wasan Milling Company serta beberapa syarikat terkemuka yang lain.



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU dan isteri hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas). Manakala gambar kanan, antara pengisian atur cara Persembahan Pentas Perayaan Bercorak Keagamaan berkenaan.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Julai. - Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80,

Tahun 2026, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Persembahan Pentas Perayaan Bercorak Keagamaan di Pentas Perayaan, kawasan letak kereta berhadapan Muzium Alat Kebesaran Diraja, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle

Memupuk kecintaan terhadap agama, raja, negara

bin Haji Abd. Karim dan isteri.

Turut hadir, pengarah-pengarah jabatan dan para pegawai kanan di bawah KHEU.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Awang Haji Abdullah bin Haji Sahat.

Pengisian atur cara Persembahan Pentas Perayaan Bercorak Keagamaan termasuk Hafalan Al-Quran oleh Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS; puisi bertajuk 'Khalifah Nusantara' oleh murid-murid Sekolah Ugama Pantai Berakas; nasyid 'Doa Buat Raja Tercinta' oleh murid-murid Sekolah Ugama Katok (Bangunan Sekolah Menengah); bicara berirama bertajuk 'Denyut Watan' oleh pelajar-pelajar Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkih; dan diakhiri dengan persembahan tausyeh oleh guru-guru Bahagian Pendidikan Khas Ugama.

Orang ramai yang hadir turut berpeluang menyertai kuiz interaktif yang diselang-selikan sepanjang persembahan berlangsung.



Persembahan Bercorak Keagamaan berkenaan bertujuan untuk memupuk kecintaan terhadap agama, raja dan negara, khususnya dalam kalangan generasi muda melalui penghayatan seni Islam.

Di samping itu, ia juga bagi mengimarahkan seni persembahan Islam sebagai

medium dakwah dan pendidikan rohani.

Program berkenaan turut menggalakkan penyertaan aktif guru dan pelajar dalam aktiviti bercorak keagamaan yang menyumbang kepada pembentukan sahsiah serta pembangunan modal insan berakhlak mulia.

MEMPERKUKUH, MENINGKATKAN KERJASAMA KEHAKIMAN



**Siaran Akhbar dan Foto :
Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam**

BANGKOK, THAILAND, Jumaat, 24 Julai. - Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon bersama delegasi hakim-hakim dan pegawai kehakiman dari Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menghadiri Mesyuarat Majlis Ketua-ketua Hakim ASEAN (Council of ASEAN Chief Justices - CACJ) Ke-13 yang berlangsung pada 21 hingga 23 Julai 2026 atas jemputan President of the Supreme Court of the Kingdom of Thailand, The Honourable Adisak Tantiwong.

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh ketua-ketua hakim dan ketua-ketua delegasi dari Negara-negara Anggota ASEAN.

Pada sesi pembukaan Mesyuarat CACJ Ke-13 yang diadakan pada 22 Julai, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon telah menyampaikan ucapan pembukaan bersama Ketua-ketua Hakim ASEAN yang lain, ketua-ketua delegasi serta

Timbalan Setiausaha Agung ASEAN.

Dalam ucapan pembukaannya, Ketua Hakim Mahkamah Besar NBD menegaskan komitmen teguh NBD dalam memperkukuhkan kedaulatan undang - undang serta meningkatkan kerjasama kehakiman di seluruh ASEAN.

Mengulas mengenai peranan badan kehakiman ASEAN yang semakin berkembang, Yang Amat Arif menyatakan bahawa perkembangan pesat dalam teknologi dan masyarakat, termasuk Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI), aset digital serta pertikaian berkaitan perubahan iklim, sedang mengubah landskap pentadbiran keadilan.

Yang Amat Arif turut menyatakan bahawa CACJ telah mengambil langkah proaktif dengan memajukan pelbagai inisiatif berkaitan teknologi mahkamah dan tadbir urus kecerdasan buatan, memperluaskan Portal e-Pembelajaran CACJ serta

menggalakkan dialog mengenai keadilan iklim dan aset digital.

Inisiatif - inisiatif ini mencerminkan komitmen bersama badan kehakiman ASEAN untuk terus bersifat adaptif, inovatif dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

Menekankan bahawa rakyat sentiasa menjadi teras sistem keadilan, Yang Amat Arif menggariskan kepentingan usaha berterusan majlis dalam bidang pendidikan dan latihan kehakiman, kesejahteraan hakim, penghakiman yang peka terhadap mangsa dalam kes pemerdagangan orang serta keadilan terapeutik (therapeutic justice).

Ketua Hakim Mahkamah Besar NBD menegaskan bahawa inisiatif-inisiatif tersebut memperkukuhkan matlamat bersama untuk memastikan keadilan dilaksanakan dengan penuh maruah, saksama dan belas ihsan, di samping meningkatkan keupayaan badan kehakiman di seluruh rantau ini.

Ketua Hakim Mahkamah Besar

YANG Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar semasa hadir pada Mesyuarat Majlis Ketua-ketua Hakim ASEAN (Council of ASEAN Chief Justices - CACJ) Ke-13 (kiri dan kanan).



NBD turut menyentuh kejayaan NBD sebagai tuan rumah Program The Second ASEAN Multilateral Judicial Knowledge Exchange on Victim-Sensitive Adjudication of Trafficking in Persons Cases, yang telah diadakan awal tahun ini.

Yang Amat Arif menyatakan bahawa program tersebut mengesahkan semula nilai kerjasama kehakiman yang bermakna melalui pertukaran pengalaman, pembelajaran bersama serta hubungan profesional yang berkekalan dalam kalangan badan kehakiman ASEAN.

Semasa mesyuarat tersebut, Ketua-ketua Hakim ASEAN dan ketua-ketua delegasi telah dibentangkan dengan laporan mengenai aktiviti yang telah dilaksanakan, pencapaian yang diraih serta pelan kerja yang dikemukakan oleh pelbagai kumpulan kerja CACJ.

Antaranya ialah Kumpulan Kerja mengenai Pendidikan dan Latihan Kehakiman; Kumpulan Kerja mengenai Prosiding Sivil; Kumpulan Kerja mengenai Pengurusan Kes dan Teknologi Mahkamah; Kumpulan Kerja mengenai Portal Badan Kehakiman ASEAN; Kumpulan Kerja mengenai Pertikaian Rentas Sempadan yang Melibatkan Kanak-kanak; Kumpulan Kerja mengenai Mesyuarat ASEAN+; Kumpulan Kerja mengenai Pengendalian Prosiding Perbicaraan Melalui Persidangan Video; Kumpulan Kerja mengenai

Keadilan Iklim; Kumpulan Berkepentingan Khas Hakim-hakim Insolvensi ASEAN; Kumpulan Berkepentingan Khas Hakim-hakim Harta Intelek ASEAN dan Kumpulan Berkepentingan Khas mengenai Sifat dan Status Aset Digital dan Maya.

Yang Amat Arif bersama delegasi turut menyertai beberapa mesyuarat sampingan bersempena Mesyuarat CACJ Ke-13.

Pada 21 Julai, Yang Amat Arif telah mengadakan mesyuarat dua hala dengan The Honourable Chief Justice Sundares Menon dari The Supreme Court of Singapore serta Hakim-hakim Kanan Badan Kehakiman Singapura.

Dalam pertemuan tersebut, kedua-dua ketua hakim negara menegaskan semula hubungan rapat dan kukuh yang telah lama terjalin antara institusi kehakiman kedua-dua negara serta komitmen bersama untuk terus memperkukuhkan kerjasama kehakiman.

Delegasi hakim dan pegawai kehakiman NBD turut menghadiri Mesyuarat Hakim-hakim Insolvensi ASEAN, Mesyuarat Hakim-hakim dan Pengamal Insolvensi ASEAN serta Mesyuarat Hakim-hakim dan Pengamal Harta Intelek ASEAN yang diadakan pada 21 Julai.

Pada akhir mesyuarat tersebut, ketua-ketua hakim dan ketua-ketua delegasi telah menandatangani Deklarasi Bangkok sebagai hasil daripada Mesyuarat CACJ Ke-13.

Kedutaan Diraja Thailand anjurkan aktiviti kesukarelawanan

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam hadir pada aktiviti sukarelawan tersebut (atas). Sementara gambar atas kanan, suasana pada majlis berkenaan.

BENGKURONG, Khamis, 23 Julai. - Kedutaan Besar Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam (NBD) pagi tadi menganjurkan aktiviti sukarelawan bertempat di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua yang Ke-74

Tahun (pada 28 Julai 2026).

Pada majlis tersebut, Kedutaan Besar Diraja Thailand yang diketuai oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD, Tuan Yang Terutama Akrapong Chalermnon bersama komuniti Thailand di negara ini, rakan sahabat serta para pengedar tempatan menyampaikan beberapa juadah istimewa

makanan Thailand, produk-produk Thailand serta sumbangan kepada pusat berkenaan.

Majlis juga turut diserikan dengan pelbagai persembahan menarik daripada pelajar-pelajar Pusat Ehsan.

Juga hadir sama di majlis tersebut, Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin dan Pemegang Amanah Kanan Pusat Ehsan, Dato Paduka Awang Haji Mohammad Alimin bin Haji Abdul Wahab.

Kedutaan Besar Diraja Thailand bersama komuniti Thailand di NBD telah sekian lama menyokong usaha murni Pusat Ehsan melalui pelbagai aktiviti, antaranya menyumbangkan mesin *treadmill* dan peralatan sukan pada Mei 2019; menyertai Bazar Amal Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam pada April 2019 serta Konsert Amal Festival Bakat pada November 2019.

Turut disertai ialah Acara Amal Pusat Ehsan Charity Hike 3km pada September 2020; Acara Berjalan Kaki, Larian dan Kayuhan Basikal 'Pusat Ehsan Walk, Run & Cycle' pada Jun 2021; Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam Charity Gala Night



pada 30 November 2022; aktiviti sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua pada 28 Julai 2023; aktiviti sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Sirikit, Queen Mother yang Ke-92 pada 12 Ogos 2024; dan aktiviti sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia King

Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua pada 28 Julai 2025.

Pihak kedutaan besar juga turut menyampaikan sumbangan kewangan bagi menyokong inisiatif pembinaan dewan solat di kawasan pusat berkenaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Puja Usia Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman (pada 3 Jun 2022) di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

ZAHIR RASA SYUKUR BERTEMU RAJA DIKASIHI

■ Berita dan Foto : Nurdyanah Rajami

DAYANG Rasidah binti Haji Mohd. Salleh dari Kampung Petani, Daerah Tutong.



TUTONG, Rabu, 22

Julai. - Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama kerabat diraja ke Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Tutong sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80 bagi Tahun 2026, hari ini, merupakan peluang keemasan yang begitu dinanti-nantikan oleh seluruh rakyat dan penduduk daerah ini bagi menzahirkan rasa syukur dan kasih sayang yang amat mendalam serta kegembiraan terhadap seorang pemimpin negara berjiwa prihatin yang digalati.

Raja yang berjiwa rakyat, raja yang pemeduli dan raja yang penyayang, antara pemerian yang disuarakan oleh orang awam berkaitan keperibadian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai pemimpin yang adil lagi bijaksana dalam pemerintahannya.

Berkesempatan ditemu bual Pelita Brunei pada Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Tutong sekali gus sebagai daerah pembuka tirai bagi majlis berkenaan pada tahun ini bertempat di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Tutong, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, antaranya mengungkapkan pandangan



INAYA Hasim bersama suaminya, Mohammed Uzair dari Sydney, Australia.

peribadi apabila berkesempatan menyaksikan kemeriahan tema persembahan khas 'Raja Bijaksana Inspirasi Rakyat' bagi majlis tersebut di mana ia amat menyentuh hati semua kerana ia menggambarkan kepimpinan baginda yang sentiasa mengutamakan kebajikan, kesejahteraan dan kemakmuran rakyat. Tambah Yang Berhormat lagi, di bawah naungan baginda, rakyat

Negara Brunei Darussalam (NBD) terus menikmati keamanan, keharmonian dan peluang untuk membangun bersama.

"Di Daerah Tutong, kita amat berbangga melihat semangat perpaduan yang begitu kukuh. Para penghulu mukim, ketua-ketua kampung, agensi kerajaan, sektor swasta, belia dan seluruh masyarakat berganding bahu menyahut hasrat baginda untuk sama-sama membangunkan negara kita. Semangat kebersamaan inilah yang menjadi kekuatan kita dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

"Pada kesempatan yang penuh bermakna ini, patik dengan penuh takzim merafakkan sembah setinggi-tinggi ucapan tahniah sempena Hari Keputeraan baginda. Patik dan seluruh rakyat serta penduduk Daerah Tutong mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta seluruh kerabat diraja kesihatan yang berpanjangan, keberkatan umur serta kekuatan untuk terus memimpin negara dengan penuh hikmah dan kebijaksanaan. Daulat Kebawah Duli Tuan Patik! Semoga NBD terus kekal aman, makmur dan diberkati Allah Subhanahu Wata'ala," ujar Yang Berhormat yang juga selaku Ketua Kampung Sengkarai, Daerah Tutong.

Sementara itu, salah seorang pesara guru di bawah Kementerian Pendidikan yang suatu ketika dahulunya mula bertugas pada tahun 1984, Awang Muhammad Krisdnata bin Muhammad Ali

turut berkesempatan mencurahkan pandangan peribadi mengenai antara kebajikan dan kesejahteraan yang telah dinikmati sepanjang di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia selama ini yang mana baginda sangat mengambil berat perihal kebajikan rakyat dan penduduk NBD seperti dari segi pendidikan secara percuma malahan kepada pelajar peringkat universiti turut diberi Elaun Pelajaran.

Tambah beliau yang berasal dari Kampung Bukit Udal Daerah Tutong lagi, antara nikmat yang perlu disyukuri selama ini ialah kemudahan kesihatan yang diberikan secara percuma dan juga pemberian pencen tua kepada warga tempatan yang telah mencapai usia 60 tahun di negara ini.

Dalam pada itu, Awang Muhammad Krisdnata yang juga selaku Ketua Bahagian Kebudayaan dan Kesenian dalam Pakatan Sang Jati Dusun (PSJD) turut berkata PSJD dan masyarakat etnik Dusun khususnya di Daerah Tutong turut tidak ketinggalan dalam sama-sama menggembleng tenaga menyokong aspirasi negara dengan menterjemahkan matlamat wawasan melalui pelestarian budaya, pemerkasaan generasi muda dan pengukuhan perpaduan masyarakat melalui penganjuran pelbagai acara kebudayaan tahunan seperti Panakod Adu Gayoh.

"Daulat Kebawah Duli Tuan Patik. Bersama-samalah kita bermunajat selaku rakyat dan penduduk di negara ini kepada Allah Subhanahu Wata'ala semoga baginda sentiasa dilanjutkan usia, dikurniakan kesihatan yang baik dan kekal karar memerintah singgahsana kerajaan," ucap beliau.

Dalam pada itu, Dayang Rasidah binti Haji Mohd. Salleh yang berasal dari Kampung Petani Daerah Tutong, turut berkesempatan meluahkan jiwa kesyukuran dan kemeriahan yang dirasakan lebih-lebih lagi ketika berpeluang menjunjung keberangkatan baginda berserta kerabat diraja yang sekali gus melambangkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada kepimpinan raja sebagai Ulul Amri selaku peneraju dalam mencapai kemajuan negara yang merdeka lagi berdaulat ini.

"Semoga Kebawah Duli Tuan Patik serta kerabat diraja dilanjutkan usia dan sentiasa berada dalam perlindungan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, sihat walafiat, aman sejahtera serta kekal karar



AWANG Muhammad Krisdnata bin Muhammad Ali dari Kampung Bukit Udal, Daerah Tutong.

AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai.




memerintah turun-temurun di atas takhta singgahsana kerajaan dan NBD terus berada dalam keadaan aman, damai serta dengan rahmat, taufik dan inayah-Nya jua," ujarnya tulus.

Di samping itu, Pelita Brunei turut berkesempatan menemu bual salah seorang pelancong berasal dari Sydney, Australia, Inaya Hasim bersama suaminya, Mohammed Uzair yang baru sahaja tiba di NBD kelmarin mengongsikan keberadaan mereka di negara ini hanya untuk melancong santai sambil berhasrat

untuk melawat keindahan masjid-masjid di ibu negara dan juga suasana keunikan Kampung Ayer namun ini adalah rezeki yang tidak disangka-sangka mereka dapat mengikuti kemeriahan majlis besar-besaran ini secara langsung. "Pastinya saya bersama suami begitu teruja untuk menyaksikan perjalanan majlis ini lebih-lebih lagi kami tidak pernah merasai detik suasana sebegini di mana-mana.

Alhamdulillah, dengan menyaksikan keunikan budaya masyarakat di negara ini khususnya di Daerah Tutong dalam sama-sama berhimpun bagi meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan khusus seorang raja berdaulat NBD pastinya menjadi kenangan manis yang begitu berharga. Selamat Ulang Tahun Kebawah DYMM," luahnya sebelum mengakhiri sesi temu bual bersama Pelita Brunei.



PENTARAMA MERIAHKAN PENTAS PERAYAAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Oleh : Aimi Sani

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Julai. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bahagian Komunikasi Strategik telah mengadakan Persembahan PENTARAMA sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026 di Daerah Brunei dan Muara bertempat di Pentas Perayaan kawasan lapang berhadapan Muzium Alat Kebesaran Diraja, malam tadi.

PENTARAMA iaitu pentas, tari dan drama ialah salah satu kaedah yang digunakan oleh Jabatan Penerangan sejak tahun 1988

untuk menyalurkan maklumat rasmi kepada orang ramai secara bersemuka melalui persembahan pentas.

Melalui program berbentuk *infotainment* ini, Jabatan Penerangan secara tidak langsung memberikan pendidikan dan perkongsian maklumat kepada pelbagai peringkat kelompok sasaran tentang nilai-nilai positif, kesedaran sivik dan semangat patriotisme, keagamaan, pendidikan dan perutusan atau mesej yang berkisar hal ehwal semasa negara, termasuk masalah sosial dalam kalangan masyarakat.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Zalani bin Haji Ismail dan isteri.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang

SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengarah Biro Kawalan Narkotik dan isteri hadir selaku tetamu kehormat majlis (kanan). Manakala gambar kiri, antara persembahan yang menyerikan lagi majlis.

Siti Bismi Nuruliman binti Awang Haji Emzah selaku Pengerusi Persembahan PENTARAMA; Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini selaku Timbalan Pengerusi Persembahan PENTARAMA; penghulu dan ketua-ketua kampung di bawah Mukim Berakas 'A' serta pegawai-pegawai kerajaan.

Persembahan dimulakan dengan lagu tema PENTARAMA dan tarian daripada Penari De Mahkota Dance Group dan diteruskan dengan nyanyian solo dan berkumpulan dari artis-artis tanah air iaitu, Marsya Dania, Mimi Wahab, Andie Othman, Ak. Shawn dan Ak. Fiqi.

Kumpulan Pento 'XYZ' di bawah naungan PGS RMF Production yang terdiri daripada pelakon - pelakon tempatan pula mempersembahkan drama bertajuk 'Bukan Sekadar Gurauan'.

Ia mengisahkan tentang bagaimana satu perbuatan penyalahgunaan teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) yang mulanya dianggap sebagai gurauan namun akhirnya berkembang menjadi perlakuan jenayah yang lebih serius, iaitu jenayah rasuah.

Melalui penceritaan tersebut, penonton turut didedahkan kepada



kepentingan menggunakan teknologi secara beretika serta kesan buruk penyalahgunaannya. Para penonton turut dihiburkan dengan Persembahan Lawak Jenaka oleh Najib & Loh (BruHaha) yang menyampaikan mesej kesedaran mengenai jenayah penipuan (*scam*) dan perkongsian maklumat yang sahih dan tepat.

Persembahan yang diselitkan dengan unsur lawak jenaka itu memberi pendedahan kepada orang ramai tentang pelbagai taktik penipuan yang semakin berleluasa, di samping menggalakkan masyarakat agar sentiasa berwaspada dan tidak mudah terpedaya.

Selain itu turut diadakan ialah Kuiz PENTARAMA untuk para penonton, yang mana penyampaian hadiah kepada pemenang kuiz disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Acara diakhiri dengan persembahan nyanyian oleh barisan artis dengan membawakan lagu 'Dirgahayu'. Persembahan

PENTARAMA ini akan diteruskan lagi ke daerah-daerah lain iaitu Daerah Tutong, pada Jumaat, 24 Julai 2026, di Pentas Perayaan, kawasan lapang berhadapan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Pekan Tutong dan diakhiri di Daerah Belait, pada Sabtu, 25 Julai 2026 di Pentas Perayaan, kawasan Gerai Tudung Saji, Daerah Belait.

Persembahan pada tahun ini pertama kalinya dimulakan di Daerah Temburong pada Sabtu, 18 Julai 2026 yang lalu. Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir menyaksikan Persembahan PENTARAMA bagi sama-sama memeriahkan lagi Pentas Perayaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026.

Sekolah Arab SHHB juara Pertandingan Drama Anti-Buli

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



TUNGKU LINK, Khamis, 23 Julai. - Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SHHB) dengan tajuk drama 'Kod Ukhwah 2035 : Generasi Tanpa Buli' dinobatkan sebagai johan pada Pertandingan Drama Anti-Buli bagi Sekolah-sekolah Rendah Senegara Tahun 2026 yang berlangsung di Pusat Kesenian Pro-Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Manakala naib johan disandang oleh Sekolah Rendah Labu Estate dengan tajuk drama 'Banteras Buli, Semai Ukhwah'; sementara tempat ketiga dimenangi oleh Ma'had Islam Brunei dengan tajuk

drama 'BBB : Belia Benci Buli'.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu.

Pertandingan yang disertai oleh 21 buah sekolah, yang masing-masing diwakili oleh tujuh pelajar, terdiri daripada sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan serta sekolah-sekolah di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Daripada keseluruhan

TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis (kanan). Sementara gambar kiri, antara persembahan pada pertandingan berkenaan.

penyertaan berkenaan, sebanyak tujuh buah sekolah berjaya melayakkan diri untuk bertanding di peringkat akhir.

Antara tujuan pertandingan berkenaan diadakan adalah untuk memberi peluang kepada para pelajar mengekspresikan kefahaman mereka mengenai isu buli secara lebih mendalam dan kreatif.

Di samping itu, pertandingan berkenaan juga diharapkan dapat menyemai kesedaran awal dalam kalangan pelajar tentang punca serta kesan negatif perbuatan buli, sekali gus memupuk nilai-nilai murni dan menggalakkan mereka menolak budaya buli dalam kehidupan seharian. Usaha berkenaan turut bertujuan membentuk persekitaran sekolah yang aman, selamat dan sejahtera.

Pertandingan adalah anjuran Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Kesenian dan Kreativiti, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, dengan kerjasama Pejabat Sekretariat, Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dan Akademi Pengajian Brunei, UBD.



Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

كمترين كسبحة
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
Selamatkan Usus Awda



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An-Nisa, ayat 116 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya Allah tidak mengampuni dosa orang yang mempersekutukan-Nya dengan sesuatu dan mengampuni (dosa) selain daripada itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh".

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memberi peringatan tegas kepada umatnya agar menjauhkan diri dan ahli keluarga daripada terlibat melakukan perbuatan syirik dan sihir kerana hukum berbuat syirik dan sihir itu adalah haram dalam agama Islam. Ia adalah jenayah akidah, tergolong dalam dosa-dosa besar yang tidak akan diampunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mengundang kemurkaan-Nya. Kesannya amat buruk kerana perbuatan itu membatalkan akidah serta-merta, menghapus seluruh amalan baik yang telah dilakukan dan mengeluarkan pelakunya daripada agama Islam. Larangan keras ini jelas sebagaimana dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Jauhilah tujuh jenis dosa besar yang membinasakan". Sahabat bertanya : "Wahai Rasulullah? Apakah dosa-dosa itu?" Baginda bersabda : "Menyekutukan Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan melainkan dengan alasan yang benar, makan riba, makan harta anak yatim, lari daripada perang dan menuduh wanita muhsin beriman yang tidak bersalah dengan tuduhan zina".

Sesungguhnya sihir bukanlah perkara baharu. Ia adalah perbuatan menyekutukan Allah Subhanahu Wata'ala yang telah wujud sejak zaman para nabi

Sihir : Jalan pintas yang menyesatkan

dan terus berleluasa hingga ke hari ini dalam pelbagai cara, rupa dan bentuk. Walaupun tersembunyi, tidak dapat dilihat dengan pandangan mata kasar, kesannya amat kejam, amat dahsyat dan merosakkan. Hakikatnya, sihir sama sekali tidak boleh berlaku kecuali dengan adanya bantuan dan pergantungan kepada makhluk terkutuk, iblis dan syaitan. Inilah antara tipu helah mereka untuk menyesatkan manusia. Iblis telah bersumpah dengan penuh keangkuhan di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala untuk menyesatkan manusia dan sesiapa yang terlibat dengan perbuatan sihir bermakna ia telah menyerah diri menjadi hamba terkutuk.

Ketahuilah dengan yakin bahawa perbuatan seperti menilik nasib, menggunakan jampi serapah atau mantera, mengamalkan ilmu pukau, menghantar santau supaya orang berkenaan jatuh sakit, memasang susuk untuk tujuan kecantikan, memuja makhluk halus, memuja kubur, memuja busut, memuja pokok untuk mendapatkan pertolongan, memelihara jin, mengamalkan ilmu kebal serta budaya mendapatkan khidmat bomoh, percaya bulat-bulat kata dukun dan tunduk membuta tuli arahan karut pawang dengan tujuan menjahanamkan seseorang bukanlah sekadar kesalahan kecil. Ia adalah perbuatan yang menyeleweng jauh daripada ajaran Islam dan tergolong sebagai dosa besar yang merosakkan akidah. Dalam hal ini, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memperingatkan umatnya melalui sebuah hadis daripada Imran bin Husain Radiallahuanhu yang bermaksud : "Bukan daripada golongan kami orang-orang yang bertatayur (meramal kesialan) atau minta dilakukan tatayur terhadapnya atau orang yang mengamalkan perdukunan atau mendatangi dukun (bertanya tentang perkara ghaib atau masa hadapan) atau melakukan sihir atau meminta agar dilakukan sihir untuknya. Barang siapa mendatangi dukun lalu ia dipercayai apa yang dikatakannya, maka sesungguhnya dia telah kufur terhadap apa yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam". (Hadis Riwayat At-Tabarani)

Sungguh menyedihkan, dalam arus kemajuan dan perubahan zaman ini, masih ada dalam kalangan masyarakat kita yang dipercayai dan mengamalkan sihir. Walaupun dunia bergerak ke hadapan dengan ilmu dan teknologi, ada segelintir golongan yang masih terperangkap dalam kepercayaan karut yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam.

Sihir yang sepatutnya ditolak dan dijauhi, telah dijadikan sebagai jalan pintas untuk memenuhi hasrat duniawi hingga sanggup membelakangkan dosa dan pahala, bahkan tidak lagi mempedulikan batas halal dan haram. Antara punca utama seseorang terjerumus dalam amalan sihir ialah apabila berdepan dengan pelbagai tekanan seperti kesempitan hidup, masalah rumah tangga atau persaingan dalam kerjaya dan perniagaan untuk mencari penyelesaian.

Lebih menyedihkan lagi, ada segelintir

SIHIR yang sepatutnya ditolak dan dijauhi, telah dijadikan sebagai jalan pintas untuk memenuhi hasrat duniawi hingga sanggup membelakangkan dosa dan pahala, bahkan tidak lagi mempedulikan batas halal dan haram. Antara punca utama seseorang terjerumus dalam amalan sihir ialah apabila berdepan dengan pelbagai tekanan seperti kesempitan hidup, masalah rumah tangga atau persaingan dalam kerjaya dan perniagaan untuk mencari penyelesaian.

manusia yang sanggup menggunakan khidmat bomoh untuk melakukan amalan sihir atau ilmu hitam kerana hasad dengki, cemburu, sakit hati serta tamak terhadap harta dan kuasa. Perbuatan ini dilakukan tanpa mempedulikan pertalian darah, ikatan kekeluargaan atau persahabatan yang telah terjalin. Apabila hati telah dikuasai oleh hawa nafsu dan dendam, manusia hilang pertimbangan sehingga *tasurung* atau tergamak menyakiti insan lain tanpa sedikit pun rasa bersalah.

Akibatnya, berlaku pelbagai musibah seperti penyakit misteri yang sukar dijelaskan secara perubatan moden, keruntuhan rumah tangga, permusuhan antara adik-beradik dan saudara-mara, malah ada yang berakhir dengan kehilangan nyawa. Daripada Abu Musa Al-Asyari Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Tiga jenis golongan yang tidak masuk syurga, iaitu peminum arak, orang yang memutuskan silaturahim dan orang yang dipercayai amalan sihir". (Hadis Riwayat Ibnu Hibban)

Dalam menghadapi ancaman sihir dan gangguan makhluk halus, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengajarkan kepada umatnya beberapa amalan pelindung yang dapat menjaga diri dan keluarga daripada gangguan syaitan serta bahaya sihir. Antara amalan pelindung yang diajarkan Baginda ialah :

Pertama : Membaca ayat Kursi sebelum tidur. Ini adalah amalan ringkas tetapi sangat besar kelebihannya dalam memelihara dan menjaga diri sepanjang malam. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Apabila engkau hendak tidur, bacalah ayat Kursi dari awal hingga akhir. Nescaya akan sentiasa ada penjaga daripada Allah yang melindungimu dan syaitan tidak akan mendekatimu hingga pagi". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Kedua : Membaca Surah Al-Ikhlash, Surah Al-Falaq dan Surah An-Nas iaitu surah-surah perlindungan untuk diamalkan pada setiap pagi dan petang sebagai benteng diri yang bukan sahaja melindungi daripada sihir tetapi juga daripada apa jua musibah yang tidak kelihatan oleh mata kasar. Antara riwayat yang menunjukkan keutamaan amalan ini adalah sebuah hadis daripada Abdullah bin Khubaib Radiallahuanhu di mana beliau berkata : "Kami keluar pada malam yang gelap dan hujan untuk mencari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan apabila kami menemuinya, Baginda bersabda : "Bacalah. Aku bertanya : Apa yang patut aku baca, wahai Rasulullah?" Baginda bersabda yang bermaksud : "Bacalah 'qul huwallahu ahad' dan dua surah perlindungan (Al-Falaq dan An-Nas) pada waktu pagi dan petang, sebanyak tiga kali nescaya ia mencukupimu daripada segala sesuatu". (Hadis Riwayat Imam At-Tirmizi)

Ketiga : Mengamalkan zikir sebagai pelindung diri. Zikir merupakan perisai hati dan jiwa. Ia adalah benteng yang mampu melindungi daripada sihir, racun dan musibah yang tidak disangka-sangka. Antara zikir yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk dibaca pada setiap pagi dan petang sebanyak tiga kali, iaitu :

Ertinya : "Dengan nama Allah yang dengan nama-Nya, tiada sesuatu pun yang

dapat memudaratkan di bumi dan di langit. Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".

Keempat : Sentiasa membaca Al-Quran terutamanya Surah Al-Baqarah dan Surah Ali-Imran. Amalan membaca dua surah ini bukan sahaja menjadi pelindung daripada gangguan sihir, malah ia akan menjadi syafaat dan naungan kepada pembacanya pada hari kiamat kelak. Daripada Abu Umamah Al-Bahili Radiallahuanhu, bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Bacalah Al-Quran. Sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat sebagai pemberi syafaat kepada pembacanya. Bacalah Az-Zahrawan, iaitu Surah Al-Baqarah dan Surah Ali-Imran kerana keduanya nanti datang pada hari kiamat seakan-akan awan atau cahaya matahari ataupun seperti burung yang berbulu yang terbang mengelilingi pembacanya. Bacalah Surah Al-Baqarah kerana sesungguhnya membacanya ada berkat dan meninggalkannya adalah penyesalan dan pembacanya tidak dapat dikuasai (dikalahkan) oleh tukang-tukang sihir". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Sebagai umat Islam, kita hendaklah sentiasa menyedari bahawa sihir bukanlah jalan penyelesaian tetapi ia adalah jalan yang menghancurkan iman dan merosakkan akidah. Jangan kerana ingin mencari jalan pintas, kita sanggup mempertaruhkan akhirat yang kekal abadi.

Hanya kepada Allah Subhanahu Wata'ala kita berserah dan memohon perlindungan daripada segala bentuk kejahatan yang zahir mahupun tersembunyi sama ada daripada sihir, hasad dengki manusia serta tipu daya iblis dan syaitan yang menyesatkan. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa memelihara kita, keluarga dan seluruh umat Islam daripada terjatuh ke dalam perangkap sihir dan jerat kesyirikan yang menyesatkan. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dan mereka menurut apa yang dibacakan oleh syaitan-syaitan (ajaran sihir) dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman padahal Nabi Sulaiman tidak kafir (tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu) tetapi syaitan-syaitan itulah yang kafir kerana mereka telah mengajarkan ilmu sihir itu kepada manusia dan mengajarkan apa yang diturunkan kepada kedua malaikat di Negeri Babylon iaitu Harut dan Marut sedang kedua-dua malaikat itu tidak mengajarkan sesuatu kepada seorang pun melainkan setelah menasihatnya dengan mengatakan : "Sesungguhnya kami ini adalah sebagai cubaan maka janganlah menjadi kufur (dengan mempelajarinya). Dalam pada itu, ada juga orang-orang Yahudi belajar daripada keduanya ilmu sihir yang boleh memisahkan seorang suami dengan isterinya padahal tidaklah mereka itu boleh memudaratkan orang lain dengan ilmu sihir itu melainkan dengan izin Allah. Dan sebenarnya mereka itu mempelajari perkara yang akan memudaratkan diri mereka sendiri dan tidak memberi manfaat kepada mereka. Dan sesungguhnya kaum Yahudi itu telah mengetahui bahawa sesiapa yang memilikinya (ilmu sihir itu) tidaklah akan mendapat bahagian yang baik di akhirat. Dan sesungguhnya sangatlah buruk apa yang mereka pilih untuk diri mereka itu kalau mereka mengetahui". (Surah Al-Baqarah, ayat 102)

SEBAGAI umat Islam, kita hendaklah sentiasa menyedari bahawa sihir bukanlah jalan penyelesaian tetapi ia adalah jalan yang menghancurkan iman dan merosakkan akidah. Jangan kerana ingin mencari jalan pintas, kita sanggup mempertaruhkan akhirat yang kekal abadi. Hanya kepada Allah Subhanahu Wata'ala kita berserah dan memohon perlindungan daripada segala bentuk kejahatan yang zahir mahupun tersembunyi sama ada daripada sihir, hasad dengki manusia serta tipu daya iblis dan syaitan yang menyesatkan. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa memelihara kita, keluarga dan seluruh umat Islam daripada terjatuh ke dalam perangkap sihir dan jerat kesyirikan yang menyesatkan.



Sila Scan Untuk
Khutbah Lengkap



جباةن حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SIHIR: JALAN PINTAS YANG MENYESATKAN

(09 Safar 1448 / 24 Julai 2026)

SIHIR & SYIRIK: AMARAN KERAS DALAM ISLAM

AMARAN



HUKUM BERBUAT **SYIRIK** DAN **SIHIR** ITU ADALAH **HARAM**.
IA ADALAH JENAYAH AQIDAH, TERGOLONG DALAM DOSA-
DOSA BESAR YANG TIDAK AKAN DIAMPUNKAN OLEH
ALLAH SWT.

PUNCA TERPEDAYA



Seseorang yang tidak memiliki iman yang teguh serta kurang penghayatan terhadap ajaran Islam akan lebih mudah terpedaya dengan amalan sihir.

PUNCA TERJERUMUS

- KESEMPITAN HIDUP
- MASALAH RUMAH TANGGA
- PERSAINGAN DALAM KERJAYA & PERNIAGAAN
- HASAD DENGKI.
- CEBURU
- SAKIT HATI
- TAMAK TERHADAP HARTA & KUASA.



KESAN SIHIR



- Merosakkan akidah
- Merenggangkan hubungan kekeluargaan.
- Memutuskan ikatan silaturrahim.
- Menghancurkan hubungan persaudaraan.
- Menimbulkan pergaduhan.
- Menyemai kebencian.
- Mencetuskan perpecahan dalam keluarga.



AMALAN PELINDUNG

1



Membaca Ayat Kursi sebelum tidur.

3



Mengamalkan zikir sebagai pelindung diri.

2



Membaca Surah Al-Ikhlâs, Al-Falaq dan An-Nas.

4



Sentiasa membaca al-Qur'an terutamanya Surah Al-Baqarah dan Surah Ali Imran.



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
PPB / QTN / AAU / 2026 / 04
Tawaran Perkhidmatan
Pembekalan Jamuan Di Pusat
Pekerjaan Brunei (PPB) Bagi
Tempoh 1 Tahun

Yuran Tawaran:
BND 5.00
(Tidak dikembalikan dan dibayar
melalui BIBD Online)



Tarikh Buka Tawaran:
Isnin,
13 Julai 2026

Tarikh Tutup:
Rabu,
29 Julai 2026
Jam 9.00 Pagi



Bilangan dan Tajuk Tawaran :
AUD / BPK / UE / Q&T /
2026-2027 / 06
24 Months Term Contract For
Security Guard Services At,
Bangunan Bahirah, Jalan Dewan
Majlis, Negara Brunei Darussalam

Scope Of Work
Bill No.2 -Security Services

Perimeter & Building

**[A] Supply Of Security Guards,
Bahirah Building**

3 Guards Per Shift [Minimum]
[3 men x 3 shift] = 9 men

As per instruction of
Superintendent [S.O]
Ensure 24 hours coverage
Relief Shift included & deployed
as & when necessary.
one [1] Chief Site Inspector

[B] Security Services

Perimeter and Building Checks
Twice per day
Exterior [Surrounding Bahirah
Building] only
Interior Building
[if instructed by S.O]

Perimeter patrols
[3 times per day]
Morning, Afternoon, Midnight
[As instructed by S.O]

[C] Security Inspections

All Entry & Exit points
(Entrance & Rear)
At Guard Counter (Main Lobby)
Security Register & Reports
Weekly Inspection by S.O

[D] General Security Report

To Prepare Daily Attendance &
Report
Yearly Quarter Report for S.O

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 18 Ogos 2026



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
To Supply and Replace New
Airconditioning at AFS Building,
Brunei International Airport
AME / 2026-2027 / SH-34
(kelas II atau ke atas)

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
Replacement and Repairing Water
System for Main Pimpa at Gate 4,
Jabatan Penerbangan Awam
AME / 2026-2027 / SH-37
(kelas II atau ke atas)

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
Provision of Friction Testing
Services at Brunei International
Airport Runway
AME / 2026-2028 / SH-38
(kelas II atau ke atas)

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
Rabu
22 Julai 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
Selasa
4 Ogos 2026
tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh tutup Sebut Harga:
Rabu
5 Ogos 2026

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



Iklan Tarikh Lanjutan

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
III & ke atas Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa
4 Ogos 2026

Tarikh Tutup:
Selasa
18 Ogos 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 020 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Paip
Pembetung Berhampiran Pam
Stesen PB3B Di STKRJ
Kg. Mumong, Daerah Belait

No. Projek:
2026ADKB / 2106 / 002-003-005

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Iklan Tarikh Lanjutan

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
III & ke atas Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa
4 Ogos 2026

Tarikh Tutup:
Selasa
18 Ogos 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 019 / 2026

Nama Projek:
Menaiktaraf Paip Pembetung Di
Jalan Setia Pahlawan Dan Jalan
Jaya Negara, Kuala Belait.

No. Projek:
2026ADKB / 2106 / 002-003-006

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Bilangan:
HMSF / ADMIN / 02 / 2026

Jawatan:
Logistics Controller (SFNS2)

Kekosongan:1

Jawatan:
Technical Services Manager,
SFM4

Kekosongan:1

Jawatan :
Technical Instructor : SFS2

Kekosongan:1

Tarikh Tutup Permohonan:
Rabu,
5 Ogos 2026



**Iklan Jawatan Kosong
Di Universiti Teknologi Brunei
Peraturan Iklan 7(A)**

Bilangan Iklan:
06 / 2026

Jawatan:
Juruteknik Makmal Kanan

Penempatan:
Makmal Kejuruteraan Elektrikal &
Elektronik,
Fakulti Kejuruteraan

Tangga Gaji:
C.1-2 EB.3
(BND 1,280.00 – BND 2,270.00
Sebulan)

Bahagian: III

Kekosongan: Satu (1)

Tarikh Tutup: 1 Ogos 2026



**Iklan Jawatan Kosong
Di Universiti Teknologi Brunei
Peraturan Iklan 7(A)**

Bilangan Iklan:
07 / 2026

Jawatan:
Juruteknik Makmal Kanan

Penempatan:
Pusat Teknologi Maklumat Dan
Komunikasi (ICTC)

Tangga Gaji:
C.1-2 EB.3
(BND 1,280.00 – BND 2,270.00
sebulan)

Bahagian: III

Kekosongan: Satu (1)

Tarikh Tutup: 1 Ogos 2026



**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
KEPI / BIOS / JKSH / 04 /
2026-2027

Membukakan Satu (1) Sebut
Harga Untuk Perkhidmatan
Jurubahasa (Interpreter)
Dari Bahasa
Mandarin-Inggeris-Mandarin

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
6 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian





**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN
DAN INDUSTRI**

Pemberitahuan Tawaran

Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang pada
Selasa, 2 September 2026.

JPt / TAW / 07 / 2026-2027:
To Supply, Deliver, Install, Test
And Commission Three (3)
Complete Set Of Laboratory Fume
Hood With Its Accessories In Soil
Science And Plant Nutrient Unit.

**(Yuran Tawaran
BND10.00 |
Borang Tawaran
BND15.00)**

Website:

<http://www.agriculture.gov.bn>



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan Dan Tajuk
Tawaran:**

Flight Calibration for Air
Navigation Facilities
ATELS / 2026 / LTK-01 (R)

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Isnin 13 Julai 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Isnin 27 Julai 2026

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa
28 Julai 2026

Kepada:
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Pengangkutan Dan
Infokomunikasi
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan
BB3910
Negara Brunei Darussalam



**Pemberitahuan
Sebut Harga**

JPt / SH / 48 / 2026-2027
Supply And Delivery Of
Scoville Meter Starter Kit

JPt / SH / 49 / 2026-2027
Supply And Delivery
Of Laboratory Freezer
With Refrigerator For
Mycotoxin Standards Storage
In Nutrition & Toxicology
Laboratory

JPt / SH / 50 / 2026-2027
Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of
Uninterruptible Power Supply



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
IV sahaja

Kategori:
B01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM014 / 2026

Bil. Projek
2026DBSBM / JPA.01

Nama Projek:

Kerja-Kerja Pembaikan Bagi
Kebocoran Di Bangunan Balai
Khazanah Islam Sultan Haji
Hassanal Bolkiah (BKISHHB)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
21 Julai 2026

Tidak lewat jam 2.00 Petang

**Tarikh Tutup
Tawaran:**
Selasa,
4 Ogos 2026

Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)



(UPS) Supporting The Server
System At Veterinary Laboratory
Services

JPt / SH / 51 / 2026-2027
To Perform Preventive
Maintenance For PCR And Egg
Quality Testing Equipments

JPt / SH / 52 / 2026-2027
Membekal Dan Menghantar
Consumables Dan Disposables
Bagi Pengesanan Penyakit
Ternakan Berkaitan Dengan
Escherichia Coli Dan Salmonella

JPt / SH / 53 / 2026-2027
Pembekalan Rack / Almari Untuk
Kegunaan Tempat Penyimpanan
Barang-Barang IT Di Stor Mulaut

JPt / SH / 54 / 2026-2027
Term Contract For
Air-Conditioning System
Maintenance And Other Required
Works At Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Pertanian Dan
Agrimakanan For A Period Of Two

(2) Years

JPt / SH / 55 / 2026-2027
Membekal Dan Menghantar
Barang-Barang Alat Tulis Bagi
Keperluan Jabatan Pertanian Dan
Agrimakanan

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang
pada Khamis, 20 Ogos 2026.

Borang Sebut Harga:
BND7.00



Isnin,
20 Julai 2026

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Khamis,
30 Julai 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
4 Ogos 2026

Yuran Tawaran:
BND5.00 tunai
(tidak dikembalikan)



**Pengawal Keselamatan Di
Bangunan Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam Selama
1 Tahun Mulai Pada
1 September 2026 Hingga 31
Ogos 2027**

Kelas & Kategori:
I, Sijil Akta
Agensi Keselamatan
(Penggai 187)

Bilangan:
SPA / BPK / SBH / 03 / 2026

Tarikh Buka Tawaran:



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Bilangan Sebut Harga:
05 / ASSET.MFA / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Upgrading Of Data Centre Door
And Windows For Compliance
Works At The Data Centre,
Information, Communication And
Technology Department (ICT),
Ministry Of Foreign Affairs

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 29 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
04 / ASSET.MFA / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Requotation: Term Contract For
Maintenance Of Air-Conditioning
System And Electrical Works At
The Land Boundary Secretariat
Office Ministry Of Foreign Affairs,
Jalan Perayaan For A Period Of
Twenty-Four (24) Months – FSOR

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 29 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



**Makluman Pemberitahuan
Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
08 / ASSET.MFA / 2026
Mobilization And Relocation
Services,
Ministry Of Foreign Affairs

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
5 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Bahagian Pengurusan
Sumber Manusia
Kementerian Pembangunan**

Bilangan Sebut Harga:
Q01 / KPN / DHRM / 2026 - 2027
Sebut Harga Bagi Perkhidmatan
Membekal Jamuan Di
Kementerian Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Dua (02) Tahun

**Bayaran Bagi Setiap
e-Dokumen Sebut Harga:**
BND9.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Isnin, 13 Julai 2026

**Tarikh Akhir Pembelian dan
Pembayaran:**
Khamis, 23 Julai 2026

Tarikh Tutup:
Isnin,
27 Julai 2026
sebelum
jam 9.00 Pagi





**JABATAN HAL EHWAL SYARIAH
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Bilangan Sebut Harga:
33 / JS / A / 6 / 2004 PT.7
Tawaran Sebut Harga Pembelian
Bilik Sejuk Beku (Walk-In Freezer)
Bagi Jabatan Hal Ehwal Syariah,
Kementerian Hal Ehwal UGAMA

Yuran Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)



Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 14 Safar 1448H /
29 Julai 2025M,
Tidak lewat jam
2.00 petang



**JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Iklan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Iklan:
JAPEM / UPE-ACJAPEMKB
/ RB26
Air Conditioner Supply And Install,
JAPEM Cawangan Belait & Pusat



Bahagia Eric Goh Belait

Tarikh Tutup Iklan:
Khamis, 6 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran:
22 / AUG / 2026 / KKBS / PJK /
16.14

Tajuk Tawaran:
Renovation Works To Meeting
Room At Level 7 And Level 3,
Ministry Of Culture, Youth And
Sports Building,
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa,
1 September 2026



IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIRAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Lengkapkan Profil PSKR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
4. Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pengkat serta subjek / bidang kelulusan)
5. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Sijil, transkrip dan pengkijiran Tajuk Kelulusan Pengkijiran Kelulusan (PKK) yang berkenaan)
6. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Selcarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
7. Lengkapkan Maklumat (Jurnal / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipertimbangkan di dalam skim iklan)

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. KETUA MERINYU HAL EHWAL UGAMA BAHAGIAN PENGUATKUASAAN AGAMA (JHES) KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2026/JUL/01/KHEU/LBK	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	01	38(B) LUAR BIDANG	30 JULAI 2026
2. PEKERJA AM KEMENTERIAN PEMBANGUNAN F.1-2-3-4-5 EB.6 (BAHAGIAN V) 2026/JUL/02/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	01 OGOS 2026
3. PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (CLINICAL DIETETICS) JABATAN PERKHIDMATAN KEMENTERIAN KESIHATAN M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II) 2026/JUL/09/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	09	7(A) JUK-MOH	01 OGOS 2026
4. PEGAWAI PERPUSTAKAAN (PIRING HITAM DAN PITA) JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI D.3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2026/JUL/01/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	02	7(A)	03 OGOS 2026
5. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II PEJABAT PERANCANGAN TENAGA MANUSIA JABATAN PERDANA MENTERI B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2026/JUL/03/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	03 OGOS 2026
6. PEMBANTU TERNAKAN KANAN JABATAN PERTANIAN DAN AGRIKIMAKAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2026/JUL/02/KEPI	KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI	01	7(A)	03 OGOS 2026
7. PEGAWAI UGAMA BAHAGIAN PENGUATKUASAAN AGAMA (JHES) KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA G.13 (BAHAGIAN II) 2026/JUL/02/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	01	7(A)	03 OGOS 2026

- PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSKR 2.0. KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
 2. PEMOHON YANG BUATAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKURANGKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
 3. DAPATKAN PERKHIDMATAN AWAM DAN KEMUDIAN SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSKR 2.0.

NOTIS
REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)
TO DESIGN, BUILD, FINANCE, OPERATE AND MAINTAIN THE DEVELOPMENT AND LAND AT RPN KAMPUNG PANCHOR

RUJUKAN: KPN/DIL/RFP (04/2026)
BAYARAN YURAN TAWARAN/PEMBELIAN DOKUMEN RFP secara online: BND\$5,000 (Tidak dikembalikan)

Kementerian Pembangunan menjemput pihak yang berminat untuk menghadapi RFP mengenai perkara di atas.

Pihak yang berminat untuk membuat pembelian dokumen RFP adalah dikehendaki terlebih dahulu untuk menghantar emel kepada alamat emel: hasil.kewangan@mod.gov.bn. Keterangan dan maklumat terkini yang diperlukan seperti berikut:

1. A) Pelabur tempatan: **Copy of Certificate of Business Registration (Section 16 and Section 17)/Form X;** atau
B) Pelabur luar negara: **Copy of Certificate of Business Registration in respective country**
2. Alamat penuh syarikat
3. Alamat e-mel syarikat yang aktif
4. No. handfon syarikat yang aktif

- Tarikh penerimaan dokumen RFP **mula: 18th Julai 2026 (Hari Sabtu)**
- Hari perkongsian maklumat RFP:
Tarikh: **24th September 2026 (Hari Khamis)**
Tempat: **Bilik Mesyuarat Jong Sarat, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas**
Jam: **14.30 – 15.30 petang**
- Maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, sila hubungi Urusetia Jawatankuasa Pemantauan Program *Government Land Lease (GLL)* melalui alamat email: eei.dil@mod.gov.bn
- Tarikh RFP **tutup: 20th Oktober 2026 (Hari Selasa) Jam: 14.00 petang**

Dokumen RFP yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Kotak Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat bawah, Jalan Pembangunan, Berakas, Bandar Seri Begawan, BS3510** disimpan dalam sampul surat tertutup dengan tajuk: **REQUEST FOR PROPOSAL TO DESIGN, BUILD, FINANCE, OPERATE AND MAINTAIN THE DEVELOPMENT AND LAND AT RPN KAMPUNG PANCHOR**

Pelabur luar negara dibenarkan untuk menghadapi RFP dokumen yang telah lengkap secara elektronik dalam format fail ZIP termampat (*zipped file*) ke alamat e-mel ltk.mod@mod.gov.bn.

Sebarang dokumen RFP yang diterima selepas tarikh dan masa tutup yang dinyatakan adalah dianggap lewat dan tidak akan dipertimbangkan.



**KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga :**
KEPI / JKSH / BTI / 01 /
2026-2027
The Supply And Delivery Of
Laptop Tablet For The Ministry Of
Economy, Trade And Industry

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
Khamis,



13 Ogos 2026,
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian

**KEMENTERIAN KESIHATAN****Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**

KK / 21 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 22 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 23 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 132 / 2026 / JPK (TC)
The Provision Of Domestic Waste Collection And Disposal Services For Seria Health Centre, Belait Health Office And Belait Tuberculosis Coordination Unit For A Period Of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 133 / 2026 / JPK (TC)
The Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Refrigerated Air Conditioning And Ventilation At Seria Health Centre, Sungai Liang Health Centre And Labi Health Centre For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 144 / 2026 / JPK (TC)
The Provision Of Domestic Waste Collection And Disposal Services For Telisai Health Centre, Lamunin Health Centre, Pekan Tutong Health Centre And Sungai Kelugos Health Centre For A Period Of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 149 / 2026 / SSBH
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Video Laryngoscope For Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 150 / 2026 / SSBH
Replacement Of 6 No Of Chilled Water Air-Handling Units C/W Associated Components At Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait

Kelayakan Pemborong / Pembekal:

Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan

Kelas:
II dan ke atas

Kategori:
M01,E01 Dan E02

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 151 / 2026 / PIHM(TC)
Provision Of Catering Services To The Pengiran Isteri Hajjah Mariam Hospital, Temburong For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 152 / 2026 / JPK (TC)
The Provision Of Collecting And Transporting Phlebotomy And POCT Items For Department Of Health Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 153 / 2026 / HTD
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Intensive Care Unit (ICU) Beds For Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 154 / 2026 / HTD
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Paediatric Multiparameter Monitor Complete With Central Monitoring System For Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 155 / 2026 / PPN (TC)
Supply And Delivery Of Infection Control Consumables Items For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 156 / 2026 / LAB (TC)
To Supply And Deliver Molecular Assay With Equipment Rental For National Mycobacteria Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 157 / 2026 / UPP (TC)
The Provision Of Shuttle Bus Services For Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 158 / 2026 / JPKAS (TC)
The Provision Of Cleaning And

Grass Cutting Services For Temburong Health Office For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 159 / 2026 / JPK(TC)
The Provision Of Cleaning And Grass Cutting Services For Muara Health Centre For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 160 / 2026 / JPK (TC)
The Provision Of Cleaning And Grass Cutting Services For Berakas Health Centre For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 161 / 2026 / JPK (TC)
Three (3) Years Contract For Maintenance And Repair Of Electrical Services Under Seria Health Centre, Sungai Liang Health Centre, Labi Health Centre And Sukang Health Centre, Kuala Belait

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 162 / 2026 / JPK (TC)
The Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Fire Alarm System, Fire Hose Reel System And Fire Extinguishers For Building Under Health Centres Tutong, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Kelayakan Pemborong / Pembekal:

Berdaftar dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan

Kategori:
KPME05

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 163 / 2026 / DSS (TC)
To Supply And Deliver Annual Calibration Services For Weighing Balances For Forensic Science Division, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK/164/2026/PIHM(TC)
The Provision Of Security Services For Pengiran Isteri Hajjah Mariam Hospital, Temburong For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 165 / 2026 / HTD
Provisional Turnkey Project Of General Radiography System For Radiology Unit, Pengiran Isteri Hajah Mariam (PIHM) Hospital

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:

KK / 166 / 2026 / HTD
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Jaundice Meter For Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Tarikh Tutup Tawaran:
4 Ogos 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN****Sebut Harga Secara Terbuka Bagi Pengendalian Kursus Modular Bagi Tahun Kewangan 2026 / 2027****DA / JKSH / 67 / 2026 / 2027 [HRD-JULAI-2026]**

Sebut Harga Pengendalian Kursus Modular Bagi Tahun Kewangan 2026/2027 Bagi :
Microsoft Excel For Beginners (Basic)
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

DA / JKSH / 68 / 2026 / 2027 [HRD-JULAI-2026]

Sebut Harga Pengendalian Kursus Modular Bagi Tahun Kewangan 2026/2027 Bagi :
Microsoft Word (Basic)
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

Sebut Harga Secara Terbuka Bagi Pengendalian Kursus Modular Dan Signature Programme (Batch 2) Bagi Tahun Kewangan 2026/2027**DA / JKSH / 69 / 2026 / 2027 [HRD-JULAI-2026]**

Sebut Harga Pengendalian Kursus Junior Executive Programme Bagi Tahun Kewangan 2026 / 2027 Bagi :
Ignite Your Creativity And Innovation (JEP)
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

DA / JKSH / 70 / 2026 / 2027 [HRD-JULAI-2026]

Sebut Harga Pengendalian Kursus Junior Executive Programme Bagi Tahun Kewangan 2026 / 2027 Bagi :
Problem Solving And Decision Making (JEP)
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

DA / JKSH / 71 / 2026 / 2027 [HRD-JULAI-2026]

Sebut Harga Pengendalian Kursus Junior Executive Programme Bagi Tahun Kewangan 2026 / 2027 Bagi :
Successful People Management And Team Leadership (JEP)
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

DA / JKSH / 72 / 2026 / 2027 [HRD-JULAI-2026]

Sebut Harga Pengendalian Kursus Middle Executive

Programme Bagi Tahun Kewangan 2026 / 2027 Bagi :
Strategic Organizational Development & Transformation (MEP)
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

DA / JKSH / 73 / 2026 / 2027 [HRD-JULAI-2026]

Sebut Harga Pengendalian Kursus Middle Executive Programme Bagi Tahun Kewangan 2026 / 2027 Bagi :
Effective Stakeholder Engagement (MEP)
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

DA / JKSH / 74 / 2026 / 2027 [HRD-JULAI-2026]

Sebut Harga Pengendalian Kursus Middle Executive Programme Bagi Tahun Kewangan 2026 / 2027 Bagi :
Managing Yourself And Leading Others (MEP)
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

DA / JKSH / 75 / 2026 / 2027 [HRD-JULAI-2026]

Sebut Harga Pengendalian Kursus Middle Executive Programme Bagi Tahun Kewangan 2026/2027 Bagi :
Critical Thinking, Problem Solving And Decision Making (MEP)
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

DA / JKSH / 76 / 2026 / 2027 [HRD-JULAI-2026]

Sebut Harga Pengendalian Kursus Modular Bagi Tahun Kewangan 2026/2027 Bagi :
Microsoft Excel For Intermediate
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

DA / JKSH / 77 / 2026 / 2027 [HRD-JULAI-2026]

Sebut Harga Pengendalian Kursus Modular Bagi Tahun Kewangan 2026/2027 Bagi :
Mail Merge Menggunakan Microsoft Word (Intermediate)
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu,
15 Ogos 2026
Jam 9.00 Pagi



MEMPERKUKUH KEUPAYAAN KEPIMPINAN, PUPUK MINDA KEUSAHAWANAN

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



TUNGKU LINK, Rabu, 22 Julai. - Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Brunei Darussalam (UBDSBE) telah menganjurkan Program Kepimpinan Musim Panas Antarabangsa (ISLP) bagi Ke-3, Tahun 2026 yang berlangsung dari 22 hingga 28 Julai 2026, bertempat di Bilik Bicara Minda, Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Program tersebut berjaya mengumpulkan lebih daripada 40 orang peserta daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan serta IPT antarabangsa dari Republik Filipina, Republik Indonesia, Republik Singapura, dan Malaysia, juga turut disertai oleh ahli Majlis Pelajar UBDSBE. Sepanjang tempoh seminggu, para peserta terlibat dalam pelbagai aktiviti pembangunan kepimpinan, pertukaran budaya, dan pembelajaran menerusi pengalaman (*experiential learning*).

Selaras dengan misi UBDSBE dalam melahirkan pemimpin yang inovatif dan berkemahiran digital, serta memberi sumbangan bermakna kepada masyarakat, program ini membekalkan peserta dengan pengetahuan, kemahiran, serta nilai-nilai kepimpinan, keusahawanan, kemampanan, etika, dan kecerdasan budaya untuk memimpin secara bertanggungjawab dalam dunia yang saling berhubung.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan perasmian program berkenaan ialah Pemangku Naib Canselor dan Penolong Naib Canselor (Penglibatan Industri dan Pembangunan Perusahaan), UBD, Dr. Haji Masairol bin Haji Masri.

Atur cara diisikan dengan ucapan alu-aluan daripada Dekan UBDSBE, Dr. Wardah Azimah binti Haji Sumardi yang menegaskan komitmen sekolah berkenaan

untuk melahirkan pemimpin masa depan melalui penglibatan antarabangsa yang bermakna.

"Program tahun ini mencerminkan komitmen tersebut melalui tumpuan kepada kepimpinan, keusahawanan, dan kemampanan - tiga tema saling berkaitan yang semakin penting dalam menangani cabaran global hari ini.

"Sepanjang program ini, kami berharap para peserta akan memperkukuh keupayaan kepimpinan mereka, memupuk minda keusahawanan, memperdalam penghayatan mereka terhadap pembangunan mampan, dan memperoleh keyakinan untuk menerajui perubahan positif dalam komuniti dan organisasi mereka," tambahnya.

Salah satu tumpuan utama majlis tersebut ialah 'Perjalanan Pembelajaran', iaitu sesi perkongsian yang disampaikan oleh Pengurus Perkhidmatan Korporat dan Etika, Hibiscus EP (Brunei) B.V., Dayang Harina binti Ramlee, diikuti dengan pelancaran rasmi Akademi Hibiscus, yang dirasmikan bersama oleh Hibiscus EP (Brunei) B.V. dan UBD.

Majlis tersebut juga menyaksikan penganugerahan biasiswa kepada seorang pelajar UBD untuk Program Sarjana Sains Digital (Keselamatan Siber dan Forensik) secara Penyelidikan, Dayang Iffah Shahfrien, mencerminkan komitmen Hibiscus EP (Brunei) B.V. terhadap pembangunan bakat dan perkongsiannya yang semakin erat dengan UBD dalam melahirkan profesional yang bersedia untuk masa depan melalui kerjasama industri-akademik.

Sepanjang minggu tersebut, para peserta akan mengambil bahagian dalam sesi yang dikendalikan oleh pihak akademik



PEMANGKU Naib Canselor dan Penolong Naib Canselor (Penglibatan Industri dan Pembangunan Perusahaan), UBD, Dr. Haji Masairol bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan perasmian program berkenaan (atas dan kiri).

dan profesional industri, termasuk Hibiscus EP (Brunei) B.V., Pejabat SDG (JPM), Fakulti Pengajian Ketenteraan (UBD), Pejabat Penglibatan Industri dan Pembangunan Perusahaan (UBD), PricewaterhouseCoopers Brunei, dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM).

Program ini juga menerima sokongan tajaan daripada GoMamam dan Treasure Cove.

Melalui bengkel interaktif dengan cabaran dunia sebenar, aktiviti berasaskan pasukan, dan penglibatan komuniti, peserta memperkukuh kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah kreatif dan kerjasama antara budaya sambil memperoleh pandangan praktikal tentang kepimpinan, keusahawanan, kemampanan dan pembuatan keputusan yang bertanggungjawab.

Para peserta juga berpeluang untuk bertukar idea dan meluaskan perspektif mereka dengan belajar bersama rakan sebaya daripada latar belakang budaya yang pelbagai.

Di luar bilik kelas, para peserta terlibat dalam cabaran pembinaan pasukan Amazing Race yang

mengembangkan kemahiran kerja berpasukan, komunikasi, dan penyelesaian masalah dalam persekitaran yang menarik.

Program ini juga memperkenalkan peserta kepada warisan budaya Brunei Darussalam yang kaya melalui lawatan ke Kampong Ayer, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, dan tempat-tempat menarik yang lain.

Sebagai sebuah sekolah perniagaan yang diakreditasi oleh Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB), UBDSBE memastikan bahawa

program ini mencerminkan komitmen AACSB terhadap impak sosial dan kepimpinan yang bertanggungjawab.

Peserta juga melibatkan diri dalam inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dengan komuniti tempatan, menggalakkan mereka untuk menghargai perspektif yang pelbagai sambil bekerja secara kolaboratif untuk menangani cabaran dunia sebenar.

Untuk maklumat lanjut tentang ISLP 2026 dan inisiatif lain oleh UBDSBE, sila layari www.sbe.ubd.edu.bn.



SUASANA Program Kepimpinan Musim Panas Antarabangsa (ISLP) bagi Ke-3, Tahun 2026 (atas dan atas kanan).



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Transformasi Digital dalam Kehidupan Harian'. Tarikh Tutup : 29 Julai 2026
2. 'Bersatu Memelihara Keamanan Negara'. Tarikh Tutup : 5 Ogos 2026
3. 'Ekopelancongan: Memelihara Alam, Menjana Ekonomi'. Tarikh Tutup : 12 Ogos 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Persembahan Malam Retro serikan Pentas Perayaan Daerah Tutong



PENOLONG Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

TUTONG, Rabu, 22 Julai. - Pentas Perayaan Daerah Tutong bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026 dimeriahkan lagi pada malam tadi dengan Persembahan Malam

Retro.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad.

Acara yang dianjurkan oleh Majlis Perundingan Kampung Sinaut dan Sungai Kelugos dengan kolaborasi Neighborhood Band tersebut diisikan dengan persembahan nyanyian lagu-lagu retro yang dikumandangkan bagi menghiburkan para pengunjung yang hadir pada Pentas Perayaan

di kawasan lapang berhadapan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong, di sini.

Adapun penganjuran persembahan seumpama ini adalah bertujuan bagi menyemarakkan lagi kemeriahan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta memeriahkan lagi suasana Pentas Perayaan di Daerah Tutong.

Pentas Perayaan Daerah Tutong akan terus menampilkan pelbagai pengisian menarik termasuk persembahan bercorak kebudayaan, hiburan, keagamaan dan beberapa aktiviti kemasyarakatan sepanjang tempoh sambutan.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir menyaksikan Persembahan Pentas Perayaan pada setiap malam diadakan sehingga 8 Ogos 2026 depan bagi sama-sama memeriahkan lagi Pentas Perayaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80.



ANTARA persembahan pada majlis tersebut (atas). Manakala gambar bawah, para pengunjung yang hadir menyaksikan persembahan berkenaan.



KETAATAN KEPADA ULIL AMRI TONGGAK KEAMANAN, KESEJAHTERAAN NEGARA

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



INTI pati ceramah disampaikan oleh Pegawai Pendidikan Ugama, Awang Haji Ishkandar bin Haji Buntar (kiri). Sementara gambar kanan, Persembahan Qasidah daripada Kumpulan Babussalam.

Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun berlangsung di Pentas Perayaan, Pekan Bangar, yang dikendalikan oleh Pusat Da'wah Islamiah, Temburong, malam tadi.

Menurut Awang Haji Ishkandar, Islam adalah agama yang sempurna dan Islam itu bukan hanya sekadar mengajar ibadah khusus seperti sembahyang, puasa dan zakat, malah mengatur sistem kehidupan termasuk kepimpinan, pemerintahan, keadilan, keamanan dan hubungan antara rakyat dengan pemimpin.

"Tanpa kepimpinan yang dihormati dan ditaati, sesebuah negara akan mudah berpecah-belah, berlaku huru-hara, fitnah serta kehilangan keamanan. Oleh itu, Islam menegaskan kewajipan mentaati pemimpin dalam perkara yang baik demi menjaga masalah umat," tegasnya dalam ceramah bertajuk 'Ketaatan Kepada Ulil Amri Adalah Asas Kemakmuran Negara'.

Awang Haji Ishkandar seterusnya menerangkan



maksud firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa', ayat 59 iaitu "Wahai orang-orang yang beriman! Taatilah Allah, taatilah Rasul dan Ulil Amri dalam kalangan kamu..." dan ayat itu menunjukkan tiga bentuk ketaatan iaitu 'Ta'at kepada Allah', 'Ta'at kepada Rasulullah' dan 'Ta'at kepada pemerintah dalam perkara yang tidak bercanggah dengan syariat'.

Jelasnya lagi, ketaatan kepada pemimpin bukan bermaksud menyembah atau mengagungkan mereka tetapi mematuhi arahan yang membawa kepada keamanan, kemaslahatan dan kesejahteraan rakyat.

Para ulama tambahnya, mentafsirkan Ulil Amri sebagai pemerintah atau ketua negara,

sultan atau raja, menteri dan pentadbir, hakim dan juga pemimpin masyarakat. Sebahagian ulama juga memasukkan para ilmuwan kerana mereka membimbing masyarakat dengan ilmu.

Awang Haji Ishkandar selanjutnya menggariskan bahawa hikmah kenapa Islam menuntut ketaatan antaranya ialah menjamin keamanan, mengelakkan huru-hara, mengukuhkan perpaduan, memelihara agama serta menjaga nyawa, harta dan maruah rakyat. "Tanpa ketaatan kepada sistem pemerintahan yang sah, masyarakat akan mudah berpecah sehingga pembangunan negara turut terjejas," katanya.

Beliau juga mengongsikan,

sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, "Barang siapa yang mentaatiku maka dia telah mentaati Allah, dan barang siapa yang menderhaka kepadaku maka dia telah menderhakai Allah. Barang siapa yang mentaati pemimpin maka dia telah mentaati". (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim) dan hadis itu katanya, menunjukkan bahawa menghormati sistem kepimpinan merupakan sebahagian daripada tuntutan agama.

Hadir bagi sama-sama menyemarakkan acara tersebut ialah Penghulu Mukim Zon 1, Daerah Temburong, Awang Arbi bin Haji Shahari. Malam itu juga diserikan dengan Persembahan Qasidah daripada Kumpulan Babussalam.

TEMBURONG, Rabu, 22 Julai. - Ketaatan kepada Ulil Amri merupakan tuntutan syarak yang menjadi asas kepada keamanan, kestabilan dan kesejahteraan negara.

Selagi mana segala titah, arahan dan dasar tidak bercanggah dengan syariat Islam, umat Islam wajib mentaati Ulil Amri sebagai sebahagian daripada ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Demikian antara inti pati ceramah yang disampaikan oleh Pegawai Pendidikan Ugama, Awang Haji Ishkandar bin Haji Buntar bagi menyemarakkan lagi Malam Bercorak Keagamaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji



Chef Anna : Harumkan nama negara di pentas kuliner antarabangsa

BIDANG kuliner memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam pertumbuhan ekonomi negara terutama dalam mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan memacu pertumbuhan keusahawanan dalam sektor makanan dan minuman. Bidang ini kini semakin mendapat tempat dalam kalangan penduduk di negara ini apatah lagi institusi-institusi pendidikan di negara ini menawarkan kemahiran dalam bidang berkenaan.

Salah seorang warga tempatan yang telah berjaya mencipta nama dan sekali gus mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam (NBD) di dunia kuliner antarabangsa ialah Dayang Rohana binti Mahmud, atau lebih dikenali sebagai Chef Anna. Kejayaan yang dikecapinya hari ini bukanlah sesuatu yang datang dengan mudah, sebaliknya lahir daripada usaha gigih, semangat yang tidak pernah luntur dan minat yang mendalam terhadap dunia masakan.

Perjalanan Chef Anna bermula pada tahun 2006, memulakan kerjayanya dari peringkat bawah sebagai tukang masak dengan memberi tumpuan pada bidang pastri dan penyediaan pelbagai jenis kuih Melayu tradisional. Namun, keinginan untuk terus menimba ilmu mendorong beliau mempelajari pelbagai masakan Asia, khususnya masakan tradisional Brunei yang kaya dengan cita rasa dan warisan budaya.

Sumber inspirasi

Menurut Chef Anna, insan yang paling banyak memberi inspirasi dan semangat kepadanya ialah Al-Marhumah ibunya yang suatu ketika dahulu merupakan seorang guru pada sekitar tahun 1970-an yang turut mengajar kelas memasak. Didikan serta dorongan

daripada ibunya menjadi sumber kekuatan untuk Chef Anna terus mendalami seni kuliner sehingga berjaya mencapai pelbagai kejayaan pada hari ini.

Sertai pertandingan

Minat yang mendalam terhadap bidang masakan mendorong Chef Anna menyertai pertandingan kuliner antarabangsa sejak tahun 2019. Pengalaman bertanding bersama cef-cef dari pelbagai negara telah meningkatkan kemahiran, keyakinan dan kreativiti beliau dalam menghasilkan hidangan bertaraf dunia.

Antara pencapaian terbesar beliau ialah pada tahun 2024 apabila berjaya meraih Tempat Pertama, World Champion Trophy dan Pingat Emas menerusi kategori Rendang Ayam. Kejayaan tersebut membuktikan bahawa masakan tradisional Brunei mampu berdiri sama tinggi dengan masakan dari negara-negara lain.

Doctor of Culinary Science

Pada tahun 2026 pula, dalam Kejohanan Kuliner Antarabangsa yang berlangsung di Johor Bahru, Chef Anna sekali lagi mengharumkan nama NBD apabila dianugerahkan Doctor of Culinary Science, satu pengiktirafan berprestij yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Johor kepada cef-cef antarabangsa dan tempatan yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang kuliner.

Dalam pertandingan tersebut, Chef Anna turut membawa pulang pelbagai anugerah, termasuk Outstanding Trophy Award, Iapan Excellent Gold Awards, dua Gold Awards, satu Silver Award dan satu Bronze Award. Antara hidangan yang dipertandingkan ialah Kari Ikan, Ikan Asam Pedas, Rendang Ayam, Roti Jala bersama Kari

Ayam, Iapan jenis Biskut Raya, Kari Ayam bersama Nasi Minyak, Nasi Lemak Moden, Tom Yum Makanan Laut, Kek Lapis, Pisang Goreng dan Bubur Caca.

Walaupun berdepan saingan sengit daripada kira-kira 2,800 peserta dari pelbagai negara, Chef Anna tetap berusaha memberikan persembahan terbaik. Segala persiapan, termasuk pembelian bahan-bahan masakan, dibiayai sendiri, di samping menerima tajaan daripada beberapa syarikat dan majikan

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Ihsan Rohana Mahmud

beliau. Pengorbanan tersebut membuktikan bahawa kejayaan memerlukan kesungguhan, disiplin dan semangat yang tinggi.

Harapan

Chef Anna berharap kejayaannya dapat menjadi inspirasi kepada generasi muda Brunei untuk menceburi bidang kuliner serta berani menyertai pertandingan di peringkat

antarabangsa. Beliau percaya anak-anak Brunei mempunyai bakat, kreativiti dan kemampuan untuk bersaing dengan cef-cef terbaik dunia. Baginya, setiap kejayaan bukan sahaja membawa kepuasan peribadi, malah menjadi peluang untuk memperkenalkan keunikan masakan Brunei kepada masyarakat antarabangsa serta mengharumkan nama negara di persada dunia.



SEMANGAT, DEDIKASI PESERTA JAYAKAN PERSEMBAHAN KHAS

■ Berita dan Foto : Nurdiyana Rajami

TUTONG, Rabu, 22 Julai. - Lebih 380 orang peserta turut tidak ketinggalan memancarkan semangat juang mereka menggemang satu amanah dalam sama-sama menjayakan Persembahan Khas Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Tutong sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026, hari ini.

Sehubungan itu, Pelita Brunei berkesempatan menemu bual salah seorang peserta persembahan khas dalam berkongsi detik-detik kemanisan terlibat dalam mengalunkan karya lagu-lagu indah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga kerabat diraja semasa berlangsungnya kemeriah majlis di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Tutong, di sini, Dayang Hajah Siti Noor Maya Murnie binti Adi yang antaranya mengungkapkan jiwa kesyukuran ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dan berbesar hati kerana diberi kepercayaan untuk menjadi salah seorang penyanyi bagi mewarnai Persembahan Khas Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Tutong sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Daerah Tutong pada tahun ini.

"Sudah tentu saya berasa teruja dan pada masa yang sama sedikit gementar kerana berpeluang membuat persembahan Kehadapan Majlis Kebawah DYMM serta kerabat diraja. Namun, saya menganggap peluang ini sebagai satu penghormatan yang amat bermakna dan sentiasa berusaha memberikan persembahan yang terbaik bersama para peserta yang lain," ujarnya yang berusia 41 tahun.

Tambah insan yang berasal dari Kampung Luagan Dudok, Daerah Tutong ini lagi, penglibatannya

dalam persembahan khas sempena majlis yang penuh bersejarah seumpamanya ini merupakan kali ketiga yang pastinya satu detik yang amat disyukuri kerana masih diberi kepercayaan untuk menyumbangkan bakat seni nyanyian yang dimiliki selama ini.

"Memandangkan saya telah meninggalkan bidang nyanyian selama lebih daripada 10 tahun, sudah tentu saya merasakan sedikit tekanan, khususnya dalam menjaga kualiti suara serta menghafalkan lirik lagu. Oleh itu, saya sentiasa melakukan latihan vokal dan senaman ringan, memperbanyakkan minum air suam dan mengamalkan minuman bercampur madu, serta memastikan rehat yang mencukupi. Pada saya, disiplin dan konsistensi dalam menjaga kesihatan diri amat penting bagi memastikan suara sentiasa berada dalam keadaan yang baik," kongsi beliau lanjut.

Dayang Hajah Siti Noor Maya Murnie turut mengongsikan bahawa antara lagu yang dipersembahkan bersama tiga orang penyanyi yang lain yang terdiri daripada Pengiran Shahminan bin Pengiran Ahmad, Awang Muhammad Nurul Saliheen bin Haji Mamat dan Dayang Nurul Hazimah binti Hamdan ialah Junjung Beradat, Duduk Beradat Madah Bersantun dan Raja Bijaksana Inspirasi Rakyat.

Dalam pada itu, keindahan seni menambang syair yang berjudul 'Syair Menjunjung Sembah' turut menjadi salah satu penyeri persembahan khas majlis berkenaan yang dipersembahkan oleh salah seorang peserta berusia 30 tahun, Dayang Nurul Hazimah yang juga sekali gus menandai amanah sebagai salah seorang penyanyi.

Ketika diajukan persoalan mengenai maksud yang terkandung dalam bait-bait syair yang dipersembahkan, beliau menjelaskan bahawa apabila kita menghayati sedalam-dalamnya pastinya terdapat beberapa nilai murni yang terkandung di dalamnya yang merangkumi nilai-nilai penghormatan kepada pemimpin; kesetiaan kepada negara; kebanggaan nasional; doa dan harapan; perpaduan dan keharmonian; dan kewajipan rakyat.

"Alhamdulillah syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala

sejujurnya saya merasa sangat terhormat dan gembira kerana terpilih untuk menjadi salah seorang peserta bagi sama-sama meraikan hari keputeraan raja yang dikasihi oleh seluruh rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

"Ini adalah peluang yang amat berharga bagi saya untuk mempersembahkan seni menambang syair di hadapan baginda sultan serta kerabat diraja. Sudah setentunya ada rasa berdebar dan teruja bercampur aduk, apa pun insyaaAllah saya berjanji untuk mempersembahkan yang terbaik," ujarnya yang berasal dari Kampung Kilanas.

Bukanlah suatu yang mudah untuk mengalunkan seni menambang syair, namun Dayang Nurul Hazimah turut berkongsi pandangan peribadi bahawa beliau perlu menitikberatkan beberapa perkara dalam usaha memantapkan seni menambang syair yang dipersembahkan iaitu meliputi aspek kelunakan suara yang mana suara yang lembut dan merdu mampu menarik perhatian pendengar dan seterusnya aspek ketepatan nada atau cengkok yang mana bagi memastikan nada yang betul dan cengkok yang tepat sesuai dengan syair yang dibawakan.

"Begitu juga aspek sebutan yang jelas sangat perlu diambil berat agar pendengar dapat memahami maksud lirik yang hendak disampaikan dengan baik dan aspek yang terakhir ialah penghayatan lirik. Dengan adanya penghayatan yang betul, ia dapat menyampaikan emosi dan maksud lirik dengan penuh perasaan agar boleh terkesan dan menyentuh hati pendengar," huraikannya lanjut.

Turut ditemu bual ialah Awangku Asmady bin Pengiran Sahdon bersama rakan-rakan seperjuangan selaku penari utama Persembahan Khas majlis berkenaan yang terdiri daripada Kumpulan AJ Dancer.

Menyentuh mengenai penglibatan pada tahun ini, Awangku Asmady mewakili kumpulan tersebut menyatakan selain sebagai penari, dirinya turut memainkan peranan dalam membantu memastikan kelancaran latihan bersama rakan-rakan yang lain sekali gus sebagai guru pembimbing seni tarian bagi persembahan penuntut-penuntut sekolah yang terlibat termasuk menyelaraskan

pergerakan, formasi dan memberikan sokongan kepada pasukan agar segala persembahan dapat dipersembahkan dengan sebaik mungkin.

"Semestinya inilah tanggungjawab besar yang kami tanai lebih-lebih lagi untuk sama-sama menghidupkan tema Persembahan khas Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Tutong pada tahun ini ke hadapan pemimpin negara yang berdaulat lagi terkenal dengan jiwa keprihatinan yang tinggi kepada rakyat dan penduduk tanah air kita," luahnya penuh kesyukuran.

Awangku Asmady turut mengongsikan secara keseluruhannya seramai 18 orang penari utama terlibat iaitu daripada Kumpulan AJ Dancer. Mereka terdiri daripada golongan belia lepasan Universiti Brunei Darussalam (UBD), pekerja kerajaan dan mahasiswa dan mahasiswi UBD dan kolej yang bersama-sama berganding bahu untuk menjayakan Persembahan Khas ini.

"Ini merupakan kali keenam tahun berturut-turut kumpulan kami diberi kepercayaan untuk membuat Persembahan Khas di Daerah Tutong. Pastinya saya amat bersyukur, terharu dan berbangga kerana diberi peluang sekali lagi untuk menjadi sebahagian daripada Persembahan Khas sempena majlis penuh bersejarah yang begitu dinanti-nantikan ini.

"Peluang ini merupakan satu penghormatan yang sangat bermakna buat saya dan juga rakan-rakan seperjuangan yang lain dan kami berharap dapat memberikan persembahan yang terbaik sebagai tanda kasih dan taat setia kepada Kebawah DYMM. Bukanlah hanya



DAYANG Hajah Siti Noor Maya Murnie binti Adi dan Dayang Nurul Hazimah binti Hamdan (kiri dan kanan).

persembahan semata-mata namun apa yang diharapkan juga agar generasi penerus bangsa kita untuk terus memartabatkan keindahan seni budaya warisan Melayu Brunei meskipun kita meniti arus kemodenan," luahnya penuh harapan tulus.

Sebelum mengakhiri kata-kata, mereka yang berkesempatan ditemu bual Pelita Brunei turut tidak ketinggalan merafakkan sembah setinggi-tinggi ucapan Selamat Hari Keputeraan Ke-80 kepada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta seluruh kerabat diraja kesihatan yang berpanjangan, kesejahteraan, keberkatan umur dan sentiasa berada di bawah lindungan serta rahmat-Nya. Semoga Negara Brunei Darussalam terus menikmati keamanan, kemakmuran dan kemajuan di bawah kepimpinan Kebawah DYMM. Daulat Kebawah Duli Tuan Patik!



AWANGKU Asmady bin Pengiran Sahdon bersama rakan-rakan selaku penari utama Persembahan Khas majlis berkenaan yang terdiri daripada Kumpulan AJ Dancer.





**TUMPUKAN PERHATIAN PADA JALAN RAYA,
JAUHI TELEFON BIMBIT.**

**WATCH THE ROAD,
KEEP YOUR MOBILE PHONE AWAY.**

Road Safety Depends
on #YouAndMe

AS KENAKAN TARIF TAMBAHAN TERHADAP 60 RAKAN DAGANG ISU BURUH PAKSA



WASHINGTON, 24 Julai. - Amerika Syarikat (AS) akan mengenakan tarif tambahan sebanyak 10 peratus atau 12.5 peratus terhadap 60 rakan dagang yang didakwa gagal melarang serta membendung kemasukan barangan yang dihasilkan menggunakan buruh paksa, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Pejabat Wakil Perdagangan AS (USTR) dalam kenyataan memaklumkan, langkah itu diambil mengikut Seksyen 301 Akta Perdagangan 1974 susulan siasatan terhadap tindakan, dasar dan amalan beberapa ekonomi berkaitan import barangan yang dihasilkan menggunakan buruh paksa.

Tarif berkenaan yang meliputi

99.4 peratus import AS dari ekonomi yang diasas akan ditetapkan pada kadar sama ada 10 peratus atau 12.5 peratus, tertakluk kepada pengecualian bagi produk tertentu.

"Presiden Donald Trump menyedari bahawa pujukan moral selama beberapa dekad masih gagal menghapuskan buruh paksa daripada rantai bekalan global.

"Amerika Syarikat telah melarang pengimportan barangan yang dihasilkan menggunakan buruh paksa sejak hampir satu abad lalu dan menguatkuasakannya dengan tegas. Sudah terlalu lama rakan dagang kami sepatutnya mengambil tindakan sama," kata Wakil Perdagangan AS Jamieson

Greer dalam kenyataan.

Pentadbiran AS pada Mac lalu melancarkan siasatan mengikut Seksyen 301 terhadap 60 rakan dagang dengan alasan mereka gagal melarang serta menguatkuasakan sekatan terhadap import barangan yang dihasilkan menggunakan buruh paksa.

USTR ketika itu memaklumkan siasatan berkenaan meliputi 60 rakan dagang termasuk China, Kesatuan Eropah, Kanada, Mexico, Brazil, India, Jepun, Rusia, Arab Saudi, Korea Selatan, Switzerland, Norway, Taiwan, United Kingdom dan Turkiye.

Pada 2 Jun, USTR memutuskan bahawa amalan ekonomi yang diasas itu adalah "tidak

munasabah" serta membebankan atau menyekat perdagangan AS, sekali gus membolehkan tindakan

diambil mengikut Seksyen 301. - ©BERNAMA

Korea Selatan akan berunding dengan AS bagi kekalkan tarif 15 peratus

SEOUL, 24 Julai. - Pejabat Presiden Korea Selatan pada Jumaat memaklumkan bahawa Seoul akan mengadakan rundingan dengan Amerika Syarikat (AS) bagi memastikan tarif import terhadap barangan negara itu kekal pada kadar semasa 15 peratus, selepas Washington mengumumkan tarif baharu sehingga 12.5 peratus terhadap rakan dagangnya.

Menurut Agensi Berita Yonhap, kenyataan itu dibuat selepas Washington mengumumkan tarif baharu terhadap 60 rakan dagang termasuk Korea Selatan berhubung kebimbangan mengenai buruh paksa di bawah Seksyen 301 Akta Perdagangan 1974.

Seoul dan Washington sebelum ini bersetuju menerusi rundingan tarif untuk mengurangkan tarif timbal balas AS terhadap barangan Korea Selatan kepada 15 peratus pada tahun lepas. Bagaimanapun, kadar tarif keseluruhan berpotensi melebihi 15 peratus sekiranya tarif baharu berkaitan buruh paksa itu dikenakan bersama duti ke atas lebihan pengeluaran yang dijangka diperkenalkan Washington tidak lama lagi.

"Kerajaan merancang mengadakan rundingan dengan AS bagi memastikan kadar tarif 15 peratus yang dipersetujui bersama terus dikekalkan," menurut Pejabat Presiden. Pejabat itu berkata kedua-dua negara mempunyai persefahaman bahawa persetujuan tarif yang dicapai sebelum ini perlu dihormati. - ©BERNAMA

Lonjakan jenayah siber : FBI, Kemboja ikrar ambil tindakan keras

PHNOM PENH, 23 Julai. - Pengarah Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) Amerika Syarikat (AS) Kash Patel berikrar memperkukuh kerjasama dengan Kemboja bagi membanteras sindiket penipuan siber ketika penipuan dalam talian mengakibatkan kerugian berbilion dolar di seluruh Asia Tenggara.

Kerjasama itu dicapai menerusi pertemuan beliau dengan Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet di Peace Palace di Phnom Penh pada Rabu, lapor portal berita dalam talian Fresh News.

Kemboja dan AS berusaha mengguna pakai pendekatan baharu bagi membanteras jenayah rentas sempadan, penyeludupan dadah dan penipuan dalam talian yang mengancam Asia Tenggara.

Lawatan Patel diadakan beberapa hari selepas Pejabat

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC) memberi amaran bahawa jumlah kerugian tahunan akibat jenayah penipuan di Asia Timur, Asia Tenggara, Australia dan New Zealand dianggarkan antara USD88 bilion (RM360 bilion) hingga USD114 bilion (RM466 bilion) pada 2025.

UNODC turut menganggarkan nilai pasaran runcit tahunan gabungan bagi methamphetamine, ketamin dan heroin dianggarkan antara USD75 bilion (RM307 bilion) hingga USD110 bilion (RM450 bilion).

Organisasi itu dalam laporannya yang dikeluarkan awal minggu ini menyatakan bahawa sindiket jenayah telah berubah menjadi rangkaian yang beroperasi seperti syarikat korporat, sekali gus mencabar tadbir urus, kestabilan ekonomi dan pembangunan.

"Apa yang kita saksikan ialah satu peralihan, apabila kumpulan yang sebelum ini beroperasi dalam kawasan operasi dan pengkhususan jenayah masing-masing kini bergerak merentasi pelbagai pasaran haram secara serentak dengan bergantung pada rangkaian perkhidmatan yang sama," kata Wakil Serantau UNODC bagi Asia Tenggara dan Pasifik Delphine Schantz.

Laporan bertajuk 'An Interconnected Ecosystem : Transnational Organised Crime Threat Assessment for South-East Asia July 2026' itu diterbitkan pada 21 Julai.

Patel tiba di Kemboja selepas menghadiri Sidang Kemuncak Pusat Penipuan selama dua hari di Bangkok yang dianjurkan bersama oleh Thailand dan AS pada awal minggu ini. - ©BERNAMA

Venezuela sahkan 3 kematian akibat Hantavirus

CARACAS, 22 Julai. - Kementerian Kesihatan Venezuela pada Selasa mengesahkan tiga kematian akibat Hantavirus di negeri Anzoategui, namun menolak kemungkinan berlaku penularan antara manusia, lapor Xinhua.

"Kami mengesahkan tiga pesakit di Anzoategui meninggal dunia selepas disahkan dijangkiti Hantavirus," menurut kementerian itu dalam satu kenyataan.

Kementerian berkenaan memaklumkan bahawa tiada bukti saintifik menunjukkan virus itu menular antara manusia di Venezuela, sambil menjelaskan bahawa jangkitan berpunca daripada tikus di kawasan luar bandar dan pertanian.

Kementerian turut memaklumkan kes berkenaan tidak mempunyai kaitan dengan kematian dua petugas kesihatan baru-baru ini di negeri Barinas, yang puncanya masih belum dikenal pasti.

Pihak berkuasa berkata keputusan akhir siasatan akan diumumkan kelak. - ©BERNAMA

Kawasan terbakar di Amazon catat paras terendah dalam 40 tahun

RIO DE JANEIRO, 22 Julai. - Keluasan hutan yang terbakar di Amazon pada 2025 susut ke paras terendah dalam tempoh 40 tahun, menurut laporan tahunan inisiatif pemantauan Brazil, MapBiomas. Kira-kira 3.1 juta hektar kawasan terjejas akibat kebakaran tahun lepas, susut kira-kira 80 peratus berbanding 2024, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa).

Kebakaran hutan di seluruh Brazil turut berkurangan, dengan 12.7 juta hektar kawasan terbakar di seluruh negara. Angka itu jauh lebih rendah berbanding lebih 30 juta hektar yang direkodkan susulan kemarau pada tahun sebelumnya, selain menjadi paras terendah sejak 2018.

Dalam kenyataan berasingan, MapBiomas memaklumkan keluasan kawasan diliputi air di

Amazon meningkat pada 2025 selepas dua tahun dilanda kemarau, dibantu taburan hujan yang lebih tinggi. Keluasan kawasan diliputi air adalah kira-kira 2.6 peratus melebihi purata jangka panjang.

Penyelidik Bruno Ferreira berkata pemulihan itu merupakan perkembangan positif, namun memberi amaran bahawa keadaan untuk jangka panjang masih membimbangkan berikutan kejadian cuaca ekstrem yang semakin kerap berlaku di rantau berkenaan. Beliau berkata perubahan iklim dan perubahan guna tanah turut mempengaruhi paras air.

Analisis bagi tempoh empat dekad mendapati lebih 49 peratus daripada keseluruhan kawasan terbakar terletak di tanah luar bandar milik persendirian,

manakala kira-kira lapan peratus lagi di kawasan penempatan.

Pokok sering ditebang sebelum kawasan yang telah dibersihkan dibakar untuk dijadikan padang ragut atau tanah pertanian, termasuk bagi penanaman kacang soya. Ketika cuaca panas melampau, kebakaran boleh merebak di luar kawalan.

MapBiomas memaklumkan kebakaran di Brazil boleh berpunca daripada faktor semula jadi atau kegiatan manusia. Bagaimanapun, kebakaran semula jadi kurang lazim berlaku di hutan hujan tropika seperti Amazon berbanding ekosistem lain.

Rangkaian itu, yang menghimpunkan universiti, pertubuhan bukan kerajaan dan syarikat teknologi, menganalisis imej satelit serta data lain. - ©BERNAMA

Republik Perancis jadi negara EU pertama larang kanak-kanak bawah 15 tahun guna media sosial

ISTANBUL, 22 Julai. - Republik Perancis pada Selasa menjadi negara pertama dalam Kesatuan Eropah (EU) yang melarang kanak-kanak berusia bawah 15 tahun menggunakan media sosial selepas rang undang-undang berkaitan diluluskan Parlimen, lapor Anadolu Ajansi (AA) yang memetik Le Monde.

Rang undang-undang itu diluluskan oleh kedua-dua dewan Parlimen, dengan 243 undi menyokong berbanding dua menentang di Senat, manakala Dewan Rendah Parlimen meluluskannya dengan 279 undi menyokong dan 81 menentang.

"Perancis menerajui usaha di Eropah dengan menjadi negara pertama menetapkan had umur minimum digital bagi melindungi kanak-kanak dengan lebih baik ketika berada dalam talian," kata Menteri Hal Ehwal Digital Anne Le Henanff kepada anggota Senat sejurus sebelum pengundian, menurut laporan itu.

Undang-undang berkenaan dijadual dikuat kuasa pada awal sesi persekolahan September bagi akaun media sosial baharu, manakala pelaksanaannya terhadap akaun sedia ada akan bermula pada awal Januari. Undang-undang itu turut memperluas larangan penggunaan telefon bimbit ke sekolah menengah. - ©BERNAMA

Kamarul
Ariffin

1:08:43

CHAMPION



HYROX ADAPTIVE MEN

Cipta sejarah di pentas dunia



Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Ihsan HYROX World Championships

BERTANDING di pentas dunia bukanlah sesuatu yang mudah apatah lagi bersaing dengan barisan atlet-atlet antarabangsa yang sudah setentunya memiliki tahap fizikal dan mental yang berbeza. Namun, semua itu tidak mustahil dengan berkat kegigihan dan disiplin yang tinggi ketika menjalani latihan. Awang Kamarul Ariffin bin Haji Abdul Ghaffar yang merupakan atlet Para Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menempa nama di pentas dunia apabila muncul juara dalam HYROX World

Championships in the Adaptive Men's Visual Impairment Division yang diadakan di Stockholm, Sweden.

Dengan bantuan dan sokongan padu daripada Alim Roslan dari Jab Gym sebagai pelari pengiring, pencapaian bersejarah dan membanggakan ini bukan sahaja buat beliau, malah bagi arena sukan NBD, kerana ini membuktikan bahawa atlet negara mampu bersaing dengan atlet terbaik dunia meskipun berdepan cabaran penglihatan.

HYROX ialah pertandingan

kecergasan yang menggabungkan larian sejauh lapan kilometer dengan lapan stesen latihan berintensiti tinggi, termasuk menolak dan menarik kereta luncur (*sled*), mendayung, membawa pemberat, *lunges* dengan beg pasir, *wall balls* serta beberapa cabaran fizikal lain. Format pertandingan ini menuntut tahap ketahanan fizikal, kekuatan mental dan strategi yang tinggi daripada setiap peserta.

Bagi atlet dalam kategori masalah penglihatan, kerjasama erat bersama pelari pengiring merupakan elemen yang amat penting. Pelari pengiring bukan sahaja membantu aspek navigasi sepanjang perlumbaan, malah memastikan atlet dapat mengekalkan rentak, keselamatan dan fokus ketika melalui setiap cabaran.

Awang Kamarul Ariffin berkecimpung dalam HYROX pada awal tahun 2025. Sebelum itu, beliau aktif dalam sukan

CrossFit dan sedikit sebanyak asas kecergasan daripada CrossFit membantu beliau apabila beralih ke HYROX.

Perlumbaan pertama beliau ialah dalam Kategori Pro Doubles bersama rakan dari Malaysia. Pada masa itu, mereka cuma mahu mencuba dahulu dan merasai sendiri bagaimana suasana Pertandingan HYROX sebelum mengambil keputusan untuk bertanding secara solo.

Beliau juga mengongsikan mengenai perjalanan sehingga layak bertanding di HYROX World Championships, matlamat utamanya untuk menyertai HYROX hanyalah untuk menimba pengalaman dan menjadi lebih baik pada setiap perlumbaan. Beliau sentiasa cuba memperbaiki prestasi dan catatan masa peribadi dari satu perlumbaan ke perlumbaan yang lain. Beliau langsung tidak pernah menyasarkan untuk bertanding di HYROX World Championships.

"Jadi apabila saya menerima e-mel daripada HYROX World yang memaklumkan bahawa saya layak ke Kejohanan Dunia, saya benar-benar terkejut. Pada mulanya saya sendiri tidak percaya kerana saya langsung tidak menjangkakan perkara itu akan berlaku," tambah beliau.

Beliau juga ingin menjunjung kasih Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri atas sokongan yang disalurkan melalui Jab Gym sehingga beliau berpeluang mewakili NBD di HYROX World Championships Stockholm.

Dari segi latihan dalam membuat persediaan sebelum bertanding di HYROX World Championships, beliau lebih fokus kepada bahagian larian kerana itu merupakan kelemahan beliau dalam HYROX. Jadi, beliau dan jurulatih menyesuaikan program latihan supaya benar-benar bersedia menghadapi

pertandingan.

Sepanjang latihan itu juga, ia melibatkan latihan gabungan larian, kekuatan dan simulasi stesen-stesen HYROX. Selain itu, beliau juga memberi perhatian kepada proses pemulihan seperti fisioterapi, urutan sukan, rehat dan pemakanan supaya badan sentiasa berada dalam keadaan terbaik untuk latihan dan pertandingan.

Di samping persediaan latihan dari segi fizikal, persediaan dari segi mental juga sangat penting di mana beliau sentiasa mengingatkan diri supaya tidak terlalu memikirkan keputusan. Fokus hanyalah melakukan yang terbaik pada hari pertandingan. Di samping itu sentiasa berdoa dan yakin dengan segala usaha yang telah dilakukan sepanjang latihan.

Meskipun beliau sangat rapi dengan rutin latihan fizikal dan mental, beliau juga berdepan dengan cabaran kerana persediaan untuk menuju ke pertandingan sangat singkat iaitu kira-kira sebulan sahaja dan juga kos perjalanan ke Sweden sangat tinggi dan beliau pernah terfikir, ia mungkin mustahil untuk direalisasikan. Tetapi dengan sokongan terutama daripada isteri dan keluarga, tidak lupa juga jurulatih yang telah membimbing beliau dalam latihan, Alim Roslan dari Jab Gym selaku pelari pengiring saya serta para penaja, rakan-rakan latihan yang sentiasa membantu sepanjang persiapan. Kejayaan ini bukan hasil usaha seorang, tetapi hasil sokongan semua yang sentiasa percaya kepada beliau.

Dengan kejayaan bersejarah ini, ia adalah hasil usaha dan doa semua yang berada di belakang beliau. Beliau berharap kejayaan ini dapat memberi inspirasi kepada lebih ramai orang, khususnya atlet-atlet di Brunei dan komuniti Orang Kelainan Upaya (OKU), bahawa dengan usaha, sokongan dan peluang yang diberikan, kita juga mampu bersaing di peringkat antarabangsa serta mengharumkan nama negara.



INMD : TANDA PENGHARGAAN MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PENJAGAAN KESIHATAN SELAMAT

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 Julai. - Sempena dengan Sambutan Hari Jurawat dan Bidan Antarabangsa (International Nurses and Midwives Day - INMD) 2026, Jabatan Kejururawatan, Jerudong Park Medical Centre (JPMC) telah menganjurkan acara khas bertajuk 'Stronger Together with the Ri'ayah Wa Mahabbah Students', yang menghimpunkan para jurawat, pelajar dan pendidik dalam satu sambutan bermakna yang menekankan nilai inklusiviti, kerjasama berpasukan dan kesejahteraan di luar persekitaran penjagaan kesihatan.

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC.

Program berkenaan menghimpunkan seramai 150 peserta yang terdiri daripada pelajar dan guru Program Ri'ayah Wa Mahabbah serta warga Jabatan Kejururawatan, JPMC.

Sepanjang program, para peserta mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti sukan interaktif dan pembinaan pasukan yang direka untuk menggalakkan kerjasama, interaksi serta penyertaan aktif.

INMD disambut pada setiap tahun bagi memberikan

penghargaan terhadap dedikasi dan sumbangan tidak ternilai oleh para jurawat dan bidan dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang selamat, penuh belas ihsan serta berpusatkan pesakit.

Selain meraikan sambutan berkenaan, inisiatif tersebut turut mencerminkan komitmen Jabatan Kejururawatan, JPMC dalam memupuk nilai kasih sayang, inklusiviti dan penglibatan masyarakat.

Penyertaan pelajar Program Ri'ayah Wa Mahabbah dalam sambutan berkenaan mengukuhkan lagi nilai empati, hormat-menghormati dan penjagaan berpusatkan individu yang menjadi teras profesion kejururawatan dan kebidanan.

Pengarah Kejururawatan JPMC, Chung Yea Fui menjelaskan bahawa profesion kejururawatan bukan sekadar satu pekerjaan, malah merupakan satu tanggungjawab untuk menjaga kebajikan masyarakat serta membawa perubahan positif yang melangkaui persekitaran hospital.

Jelasnya lagi, INMD berkenaan memberi peluang kepada mereka untuk menyumbang kembali kepada masyarakat dan melaksanakan sesuatu yang benar-benar bermakna.

Beliau menambah, inisiatif



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa hadir dan menyertai acara khas bertajuk 'Stronger Together with the Ri'ayah Wa Mahabbah Students' (atas dan kiri).

tersebut turut menyokong usaha JPMC dalam menggalakkan amalan gaya hidup sihat, memperkukuh kerjasama bersama komuniti serta menyemai semangat tanggungjawab bersama.

Inisiatif berkenaan juga menyokong usaha JPMC dalam menggalakkan gaya hidup sihat, memperkukuh kerjasama dengan masyarakat serta menyemai semangat tanggungjawab bersama.

Dengan menghimpunkan pelajar, pendidik dan profesional penjagaan kesihatan, program berkenaan menyerlahkan lagi

impak positif kerjasama berpasukan, di samping mengiktiraf peranan jurawat dan bidan sebagai penggerak kepada kesihatan, kesejahteraan dan pembangunan masyarakat.

Acara yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah berkenaan turut dihadiri oleh wakil-wakil dari Kementerian Pendidikan serta Ahli-ahli Pengurusan Kanan JPMC, sekali gus mencerminkan kepentingan penglibatan masyarakat dalam mempromosi kesihatan dan kesejahteraan.

Memperkasa peranan sukan dalam menyokong pembangunan mampan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Sukan Komanwel Ke-12.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

GLASGOW, SCOTLAND, Jumaat, 24 Julai. - Negara Brunei Darussalam (NBD) menegaskan semula komitmennya untuk memperkukuh kerjasama antarabangsa bidang sukan serta mempromosi sukan sebagai pemangkin kepada pembentukan masyarakat yang lebih sihat, inklusif, pemeraksa belia dan pembangunan mampan melalui penyertaannya dalam Mesyuarat Menteri-menteri Sukan Komanwel Ke-12 (12th Commonwealth Sports Ministers Meeting – 12CSMM).

Delegasi NBD ke 12CSMM telah diketuai oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Mesyuarat berkenaan telah berlangsung pada 21 hingga 22 Julai 2026 di Glasgow, Scotland, United Kingdom.

Mesyuarat yang dihoskan oleh Kerajaan Scotland di bawah tema 'Reimagining the Power of Sport : Creating Healthier, Fairer, and Connected Commonwealth Communities' berkenaan telah dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan Mental, Kesihatan Awam, Sukan, Alkohol dan Dadah, Kerajaan Scotland, Puan Yang Terutama Maree Todd MSP, dan dihadiri oleh Menteri-menteri Sukan, pegawai-pegawai kanan serta wakil-wakil daripada 56 buah Negara Anggota Komanwel.

Mesyuarat berkenaan menjadi platform bagi negara-negara anggota bertukar pandangan mengenai pemeraksa peranan sukan dalam menyokong pembangunan mampan, menggalakkan keterangkuman sosial serta memperkukuh kerjasama dalam kalangan Negara-negara Komanwel.

Sebelum berlangsungnya mesyuarat berkenaan pada 21 Julai 2026, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menyertai lawatan ke Commonwealth Sport Gather, Adjust, Prepare and Sustain (GAPS) Camp yang dianjurkan oleh Commonwealth dengan kerjasama Sekretariat Komanwel dan Kerajaan Scotland di University of the West of Scotland.

Program berkenaan memberi peluang kepada para menteri dan ketua-ketua delegasi bertukar-tukar pandangan serta memperkukuh kerjasama dalam kalangan Negara-negara Komanwel dalam mempromosi pembangunan sukan yang inklusif dan mampan.

Turut menyertai Delegasi NBD, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman serta pegawai-pegawai kanan dari KKBS.

Kekalkan disiplin, fokus, semangat juang demi mengharumkan nama NBD

Oleh : Sinarawie Bidzah

Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Komanwel Glasgow 2026 Ke-23

GLASGOW, SCOTLAND, Jumaat, 24 Julai. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dengan disertai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman telah mengadakan lawatan ke tempat latihan atlet angkat berat (*weightlifting*) dan olahraga (*athletics*) serta penginapan atlet renang (*swimming*).

Semasa lawatan berkenaan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menzahirkan keyakinan terhadap komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh para atlet sepanjang tempoh persediaan.

Yang Berhormat turut berharap agar para atlet akan terus mengekalkan disiplin, fokus dan semangat juang yang tinggi demi mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam (NBD) di Sukan Komanwel Glasgow Ke-23, Tahun 2026.

Pada Sukan Komanwel Glasgow 2026 ini, NBD akan menyertai tiga acara sukan daripada 10 sukan yang dipertandingkan, iaitu renang, olahraga dan angkat berat.

Glasgow menjadi tuan rumah Sukan Komanwel buat kali kedua selepas kali pertama menganjurkan temasya itu pada tahun 2014. Temasya sukan yang dianggotai oleh Negara-negara Komanwel akan dilangsungkan bermula dari 23 Julai 2026 hingga 2 Ogos 2026.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika mengadakan lawatan ke tempat latihan atlet.



BERANGKAT MENYAKSIKAN MAJLIS PEMBUKAAN RASMI SUKAN KOMANWEL KE-23

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Komanwel Glasgow 2026 Ke-23

GLASGOW, SCOTLAND, Jumaat, 24 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat menyaksikan Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Komanwel Ke-23 yang berlangsung di Glasgow, Scotland.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah mencerminkan sokongan dan

komitmen yang berterusan terhadap pembangunan sukan negara, di samping memberikan suntikan semangat dan dorongan kepada para atlet serta Pegawai Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) yang sedang menggalas cabaran mengharumkan nama negara pada temasya sukan berprestij tersebut.

Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Komanwel Ke-23 berlangsung dengan penuh gilang-gemilang menerusi persembahan yang mengetengahkan kepelbagaian budaya, warisan dan identiti Scotland, sekali gus mencerminkan semangat perpaduan, persahabatan dan kesukanan dalam kalangan

Negara-negara Komanwel.

Kontinjen NBD turut mengambil bahagian dalam perarakan masuk bersama kontinjen-kontinjen negara peserta yang lain.

Bagi temasya Sukan Komanwel Ke-23, Tahun 2026, NBD akan diwakili oleh seramai 12 ahli kontinjen, yang terdiri daripada enam atlet dan enam pegawai.

Enam atlet tersebut, iaitu tiga atlet lelaki dan tiga atlet wanita, akan bersaing dalam tiga daripada 10 jenis sukan yang dipertandingkan, iaitu olahraga, renang dan angkat berat.

Sementara itu, barisan pegawai kontinjen terdiri daripada seorang Chef de Mission, seorang ketua urus setia, seorang pegawai urus setia dan tiga jurulatih.

Anggota



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat menyaksikan Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Komanwel Ke-23 yang berlangsung di Glasgow, Scotland.

Suntikan semangat menjelang Sukan Komanwel Glasgow 2026

GLASGOW, SCOTLAND, Khamis, 23 Julai. - Negara Brunei Darussalam (NBD) menyertai Sukan Komanwel Glasgow 2026 yang dijadualkan berlangsung secara rasminya pada 23 Julai 2026 hingga 2 Ogos 2026 di Glasgow, Scotland.

Pada hari ini, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri

Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat mengadakan lawatan secara berasingan dan memberikan sabda nasihat dan kata-kata semangat kepada atlet angkat

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Komanwel Glasgow 2026 Ke-23

berat, olahraga dan renang di tempat tinggal para atlet.

Pada Sukan Komanwel Glasgow 2026 ini, NBD akan menyertai tiga acara sukan daripada 10 sukan yang dipertandingkan iaitu renang, olahraga dan angkat berat.

Atlet-atlet renang negara akan mula bertanding pada Jumaat, 24 Julai 2026

bertempat di Tollcross International Swimming Centre.

Sementara itu, atlet angkat berat NBD akan mula bertanding pada Ahad, 26 Julai 2026 di Scottish Event Campus (SEC) Armadillo. Manakala atlet-atlet olahraga negara akan mula bertanding pada Isnin, 27 Julai 2026 di Stadium EDF Scotstoun.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan bergambar ramai bersama atlet renang dan jurulatih.

TAHUKAH



AWDA

JABATAN Muzium-Muzium berperanan yang penting dalam mengawal dan memelihara monumen dan tapak-tapak bersejarah di negara ini supaya ia tidak dimusnahkan oleh arus pembangunan negara yang berkembang pesat. Jabatan Muzium-Muzium telah diperuntukkan dengan satu akta yang dikenali sebagai Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam, 1967, Edisi Semakan 1984, 1990, 2002. Pencalonan monumen dan tapak bersejarah adalah atas sokongan Lembaga Muzium dan mesti memenuhi empat kriteria iaitu mempunyai nilai sejarah dan berusia lebih 50 tahun; mempunyai seni bina yang unik; mempunyai nilai budaya dan pembelajaran; dan mempunyai nilai ekonomi jika dimajukan.

SUMBER : <http://www.museums.gov.bn/>.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

HANYA KEPADA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA KITA MEMOHON PERLINDUNGAN DARIPADA KEJAHATAN